



UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

EISSN: 3009 - 1039  
EDISI KEEMPAT: OKT - DIS 2023

# WACANA

BULETIN AKADEMIK & ANTARABANGSA



## UMK TINGKAT PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PELAJAR

MENARIK DI DALAM



- Akademik
- Pengajaran dan Pembelajaran
- Kerjasama Akademik
- Mobiliti dan Antarabangsa
- Pelajar
- Aktiviti



OfficialUMK  
umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP  
is our World

Kita  
#BinaLegasiUMK  
Bersama

#WeAreUMKFamily  
#OneUMKOneDream

## SIDANG EDITORIAL

### Penasihat

Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad

### Ketua Editor

Mohd Badrul Hisyam Muhamad Alias

### Editor

Mohd Zulfadli Mat Husin

Puteri Nurainul Bismi Jondi

Fatin 'Afina Ramzi

Nik Nurul Fazlina binti Noor Akmar

### Bacaan Pruf

Prof. Madya Dr. Mohamad Najmi bin Masri

### HAK CIPTA

Penerbitan Korporat UMK, 2023

Hak cipta adalah terpelihara. Setiap bahagian daripada terbitan ini tidak boleh diterbitkan semula, disimpan untuk pengeluaran atau dipindahkan kepada bentuk lain, sama ada dengan cara elektronik, mekanikal, gambar, rakaman dan sebagainya tanpa mendapat izin daripada Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web, Pusat Komunikasi Korporat, UMK.

Diterbitkan oleh:


Penerbitan Korporat, UMK  
Bahagian Penerbitan dan Pengurusan Laman Web  
Pusat Komunikasi Korporat  
Pejabat Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok  
Kelantan Darul Naim  
Tel : 09-7797015  
Emel : [bpk.pkk@umk.edu.my](mailto:bpk.pkk@umk.edu.my)

Disediakan oleh:

Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik dan Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300, Bachok, Kelantan

 [www.hea.umk.edu.my](http://www.hea.umk.edu.my)

 [dcvai@umk.edu.my](mailto:dcvai@umk.edu.my)

 Pejabat TNCAA UMK

## KANDUNGAN

<b>Kata Alu-Aluan</b>	iv
<b>Dari Meja Ketua Editor</b>	v
<b>UTAMA</b>	6
▪ UMK bantu bangunkan sosioekonomi Orang Asli Gua Musang	7
<b>AKADEMIK</b>	12
▪ Perasmian Hospital Pengajar Perubatan Veterinar UMK	13
▪ Karnival Pendidikan Kerjaya Program Matrikulasi anjuran Kementerian Pendidikan Malaysia	14
▪ Bengkel penetapan kaedah pengajaran dan pembelajaran HyFlex (Kurikulum Terbuka)	18
▪ Pentaksiran akhir semester Februari Sesi 2022/2023	19
▪ Bengkel Penyediaan Soalan APEL.A	21
▪ Pemantapan Buku Peraturan Akademik bagi pelajar separuh masa UMK seliaan UMKCEE	22
▪ Majlis Penyampaian Anugerah INEX	24
▪ Anugerah "Best Tourism & Hospitality Education Program" di World Islam Tourism Award 2023	25
▪ Hari pendaftaran dan program induksi pelajar Baharu pra-ijazah Sains bagi semester intensif September 2023	26
<b>PENGAJARAN &amp; PEMBELAJARAN</b>	28
▪ International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTELIC) 2023	29
▪ Penyertaan UMK ke International University Carnival on e-Learning (IUCEL 2023)	31
▪ Bengkel pemurnian dan pra pelaksanaan struktur kurikulum fleksibel dan HyFlex	33
▪ Bengkel Transformational Curriculum Design in Experiential Learning Workshop: Personalized Experiential Learning (POISE)	34
▪ Kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran 2023	36
▪ Bengkel penyediaan dokumen Code of Practice for Programme Accreditation: Open and Distance Learning (COPPA:ODL)	37
▪ Bengkel Navigating & Nurturing SULAM @UMK: Introduction, governance and implementation	39
▪ Bengkel Crafting dynamic learning: A transformative curriculum design in experiential learning using IDEAL	40
<b>KERJASAMA AKADEMIK</b>	41
▪ Mesyuarat persatuan sekolah veterinar Asia (ASIAN Association of Veterinary School) di University Hokaido Jepun	42
▪ Kunjungan Muhibbah ke Fakultas Kedoktoran Hewan di Indonesia	42
▪ Lawatan jalinan kerjasama oleh Prof. Dr. Karunsh Saxena, Naib Canselor Sangam University, India dan Prof. Dr. Depuru Bharati, Naib Canselor Sri Padmavati Mahila Visvavidyalayam, India	43
▪ Bengkel pembentangan Cadangan Pembangunan program akademik Baharu pascasiswazah Bersama penasihat luar dan Lembaga penasihat	44

▪ Lawatan pematuhan akreditasi Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) bagi program Ijazah Sarjana Muda Senibina Dalaman, Fakulti Senibina dan Ekistik	45
▪ Bengkel pemurnian ringkasan tugas dan projek kursus Bersama Profesor Adjung Jabatan Senibina Dalaman serta perbincangan industri dan akademik semester September 2023/2024	46
▪ Delegasi FSDK ke AdvComp UniMAP	47
▪ Program jurulatih dan mentor UMK: Kelab robotic skot (2) untuk persediaan ke Pertandingan Robotik Robo Tracer Petrosains 2023	48
▪ Kunjungan hormat Pahang Skills Development Center	49
▪ Kunjungan hormat FSDK dan AIBIG ke Bahagian Pengurusan Teknologi Maklumat *BPTM), Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan	50
▪ Lawatan sambil belajar kakitangan UMK ke Institut Penyelidikan Veterinar Ipoh	51
▪ Lawatan penanda aras ke Pusat Pengurusan Akademik UKM	51
▪ Lawatan kolaborasi ke Universitas Mercu Buana (UMB) kampus Meruya, Jakarta	52
▪ Lawatan delegasi Ramaiah Institute of Management, India (MSRIMS) ke UMK	53
▪ Lawatan ke Pejabat Pengerusi Malaysia-Thailand Business Council (MTBC)	54
▪ Mesyuarat ASEAN KICK OFF	55

#### MOBILITI DAN ANTARABANGSA

▪ Outbound mobility program: The 3 <sup>rd</sup> UNUSA Brave- Making SDGS a Reality	57
▪ Social Enterprise for Economic Development: Mini SEED Thailand 2023	60
▪ Program pertukaran pelajar antara Fatoni University (FTU), Thailand dan UMK	62
▪ Majlis Penutup Program Mobiliti antara FTU dan UMK	63
▪ Majlis menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) dan Letter of Intent (LoI) di antara UMK dengan rakan strategik antarabangsa	64
▪ Mesyuarat Pengarah Pusat Antarabangsa Universiti Awam kali ke-29	65
▪ UMK-SKRU Cultural Exchange Mobility Program 2023	65
▪ Mesyuarat di antara UMK dan Universitas Chaputra Surabaya, Indonesia	66
▪ Kunjungan hormat Universitas Negeri Padang ke UMK	66
▪ 25 <sup>th</sup> Prince of Songkla Education Fair 2023	67
▪ Perbincangan bersama Education Malaysia Jordan: Pengambilan Pelajar Timur Tengah	67
▪ Sesi perbincangan Bersama Kaunselor Fiji	68
▪ Lawatan oleh Prince of Songkla Universty, Pattani Campus Thailand ke UMK	68
▪ Sesi libat urus Bahagian Education Malaysia (BEM) Bersama UMK	68
▪ Summer Camps RENPER 2023	69
▪ Perbincangan bersama HK Haibin Education Group Limited	69
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: Gtex Asia Sdn. Bhd	70
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: Reruai Asia Events	70
▪ Perbincangan bersama ejen perekrutan pelajar antarabangsa: HK Gaosheng	70
▪ Kunjungan Australian Higher Education Institutions ke UMK	71
▪ Sesi taklimat Etiqa Family Takaful berhad	71
▪ Metamorphosis Buddies Jamboree 2023	72
▪ Staff mobility and training	73
▪ Leading for impact: Transformational leadership skills for public service held in Manila, Philippines	74

#### KEUSAHAWANAN

▪ The 11 <sup>th</sup> International Conference on Entrepreneurship, Business and Technology 2023 (INCEBT 2023)	75
▪ Bengkel Whatsapp untuk Bisnes (Asas)	76
▪ Konvensyen Inovasi Sosial (KIS) 2023	78
▪ Program Keusahawanan: University to Community 2.0	79
▪ Bengkel Mobilegraphy- Teknik Fotografi Smartphone	79
▪ Bengkel Google My Business (Asas)	80
▪ Bengkel Google My Business (Asas)	81

#### PELAJAR

▪ Kursus PENJANA KPT-PACE Melibatkan kursus usahawan dron pertanian dan Kursus Profesional Certificates in Agricultural Sustainability and Good Governance	82
▪ Majlis penganugerahan dan perasmian penutup Program PENJANA KPT-PACE Persijilan Profesional Microsoft Power BI Data Analyst	83
▪ Bootcamp 3u1i (Fly High The Apprentice 3u3i 2023)	84
▪ Program Doctorate Support Group (Siri 1)	85
▪ Program Doctorate Support Group (Siri 2)	86
▪ Program Doctorate Support Group (Siri 2)	87

#### AKTIVITI

▪ Empowering Women in Tech: Breaking Barriers, Building Success, Jakarta, Indonesia	88
▪ International Teaching Enhancement & Learning Innovation Carnival (iTeLIC) 2023	89
▪ Penyertaan ahli jabatan dalam pertandingan Carnival on Research and Innovation (CRI 2023)	90
▪ Penyertaan ahli jabatan dalam IUCEL	91
▪ Pameran Lukisan Terukur 2023: Bangunan Dato' Kaya Budi, Tumpat, Kelantan	91
▪ Program penilaian dan pameran kursus rekabentuk perabot semester Februari 2022/2023 Program SGD	92
▪ Program Internal and External Assessment Day (INEX Day) dan penilaian Program SULAM Semester	93
▪ Program SULAM bagi Kurus Studio Rekabentuk Senibina Dalaman VI bersama pihak Sudara Beach Resort dan Seksyen Pengurusan Rumah Peranginan Persekutuan, Bahagian Pengurusan Tanah	94
▪ Majlis Makan Malam Perhimpunan Interia Sesi Februari 2022/2023	95
▪ Microsoft Certified: Power BI Data Analyst	96
▪ Taklimat Bersama UMK-AsCent sempena Program Semarak Siswa Madani	97
▪ Live bersama UMK AsCent sempena Program UMK@School: Road2UMK	98
▪ Sukan memamah kegemaran Rasulullah SAW	99
▪ Gotong-royong EKSA Zon Dewan Tuanku Canselor	100
▪ Audir Dalaman EKSA Siri 1 Zon DTC	102
▪ Gerak kerja governan Pembangunan kepimpinan akademik UMK ke USM	103
▪ Majlis penutup Program Mobiliti Assyarqiyah Univeristy Oman	104
▪ FPV Research Symposium: Advancement in Veterinary and Animal Sciences	105
▪ Kursus Teknologi Agromakanan Tanaman Jangka Pendek siri 1	106
▪ Program 4 <sup>th</sup> Asia Pacific Regional Conference on Food Security (ARCOFS 2023)	107
▪ Pelajar FSDK Berjaya memperoleh Sijil Pengiktirafan Microsoft Azure AI Fundamentals	107
▪ Webinar Biz Talk: Are we ready? Post Pandemic Era	107

# Kata Alu-Aluan

Assalamualaikum wbt

Selawat dan salam ke atas junjungan besar Nabi Muhammad SAW. Semoga kita sentiasa dirahmati dan diberkati oleh Allah SWT.

Alhamdulillah, saya lafazkan setinggi-tinggi pujian dan kesyukuran ke hadarat Allah SWT kerana atas limpah kurnia dan dengan keizinanNya maka buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi terbaru telah berjaya dihasilkan.

WACANA Edisi ketiga ini memberikan gambaran komprehensif tentang berbagai kegiatan dan prestasi yang telah kita capai selama tiga bulan bermula Oktober sehingga Disember 2023. Sekalung ucapan tahniah dan syabas diberikan kepada sidang pengarang kerana berjaya menerbitkan WACANA yang dijadualkan secara berkala pada setiap suku tahunan.

Selain itu, penghargaan dan ucapan terima kasih turut diberikan kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu di dalam memberikan maklumat bagi memastikan penyediaan WACANA dapat dilaksanakan mengikut perancangan.

Saya berharap penerbitan WACANA akan memberi manfaat kepada semua pihak yang ingin mengenali dan mengetahui dengan lebih terperinci mengenai peranan dan aktiviti Pejabat TNCAA. Marilah kita berdoa ke hadrat Ilahi agar terus diberikan kekuatan untuk melaksanakan amanah dan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya.



**PROF. DATO' DR. NIK MAHERAN BINTI NIK MUHAMMAD**  
Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa)

# Dari Meja Ketua Editor

Assalamualaikum wbt

Alhamdulillah dengan limpah kurniaan dari-Nya, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) melalui Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP) telah berjaya menerbitkan buletin rasmi Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa, WACANA edisi keempat bagi bulan Oktober sehingga Disember 2023.

WACANA yang julung kali diterbitkan pada tahun 2023 ini telah memasuki edisi keempat. Segala aktiviti PTj berkaitan akademik dan antarabangsa berjaya diselitkan di dalam buletin suku tahunan ini.

Sidang editorial WACANA ingin merakamkan setinggi-tinggi penghargaan dan ucapan terima kasih kepada semua Pusat/ Fakulti/ Jabatan di atas kerjasama padu dalam memberikan maklumat bagi memastikan WACANA dapat diterbitkan dengan jayanya.

Harapan kami supaya WACANA akan menjadi wadah perkongsian antara semua PTj akademik di bawah portfolio TNC (A&A) untuk terus bekerjasama memartabatkan kecemerlangan akademik dan antarabangsa UMK.

Selamat membaca.

## **MOHD BADRUL HISYAM BIN MUHAMAD ALIAS**

Timbalan Pendaftar  
Bahagian Strategik dan Pentadbiran (BSP)  
Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan  
Antarabangsa)



# UTAMA

## UMK TINGKAT PENGUASAAN BAHASA INGGERIS PELAJAR

### PROGRAM ENGLISH FOR PROFESIONAL COMMUNICATION COURSE 2023- KPT PACE

Seramai 250 Orang Pelajar Universiti Malaysia Kelantan (Rasmi) telah berjaya dengan jayanya menamatkan program English for Profesional Communication Course 2023 di bawah Penjana KPT PACE yang telah diadakan selama sebulan bermula 19 Oktober Sehingga 22 November 2023.

Program ini telah diadakan secara hibrid (dalam talian dan fizikal) dengan kerjasama Majlis Peperiksaan Malaysia (MPM) iaitu peserta telah menduduki peperiksaan persijilan MUET pada sesi terakhir yang berlangsung di Demong Beach Resort, Besut Terengganu.

Program ini adalah sebuah inisiatif Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) dalam meningkatkan tahap kompetensi bahasa inggeris graduan universiti untuk lebih berdaya saing. Terima kasih dan tahniah diucapkan kepada urusetia dan barisan fasilitator program yang telah bertungkus lumus memastikan program ini dapat dilaksanakan dengan jayanya. Tidak dilupakan kepada Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) dan Koperasi UMK atas kepercayaan dan mandat yang diberikan kepada FBI dalam menjayakan program ini.



FBI







# BECOMING BOLD RESILIENT INNOVATIVE TECHNOLOGY DRIVEN FUTURE HIGHER EDUCATION LEADERS

The Business Acumen in Higher Education Leaders program, held on 29 November 2023, brought together an assembly of distinguished leaders, academics, and professionals, both from public and private higher learning institutions to explore the intersection of business acumen, agile leadership, income generation, and innovation in the evolving higher education sector.

## Shaping Minds, Building Leaders



The program kicked off with two enlightening keynote speeches, each offering unique perspectives on the challenges and opportunities facing leaders in higher education.

The first keynote, delivered by Prof. Dato' Dr. Noor Azizi bin Ismail, Professor from Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB) Universiti Malaysia Kelantan (UMK), delved into the evolving role of leaders in navigating financial complexities, emphasizing the need for strategic decision-making and a deep understanding of business dynamics.



Prof. Dato' Dr. Noor Azizi also highlighted the need for leaders to be bold in strategizing their communication strategies as well as resilient toward balancing the needs of pushing higher education institutions and the challenging landscape of financial stability.





The second keynote, led by Prof. Dato' Dr. Ansary bin Ahmed, Founder President of Asia e University focused on leveraging technological advancements and data-driven insights to enhance educational delivery and student experiences.

He provided the insightful views from the private institutions toward managing higher education institution since he is currently the group managing director of The Asia e Learning Private Limited, a Collaborative Multinational University.

Both keynote session set the stage for a day of exploration and discourse on the critical role of business acumen in shaping the future of higher education.



# AGILE LEADERSHIP FORUM: MAXIMIZING INCOME GENERATION AND INNOVATION

A highlight of the one day program was the engaging forum titled "Agile Leadership in Higher Education: Maximizing Income Generation and Innovation." Facilitated by a panel of industry experts and thought leaders, the forum tackled pressing issues related to agile leadership, income diversification, and fostering a culture of innovation within academic institutions.

The panelists for the forum were Datuk Prof. Ir. Dr. Wahid Bin Omar, Former Vice Chancellor of UTM, Dr. Wan Raihana Binti Wan Aasim, Vice President, Technology Venture Fund of Malaysian Technology Development Corporation (MTDC) and Dr. Mariani Binti Abdul Hamid, the National Academy Award 2023 Winner and founder for DerMags skincare products. The forum moderator was Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, UMK Deputy Vice Chancellor (Academic and International).





Panelists shared insights into successful case studies, innovative fundraising models, and strategies to optimize income streams without compromising academic integrity. The lively discussions emphasized the importance of adaptability and forward-thinking in an era of rapid change.



Attendees seized the opportunity to network and collaborate, fostering connections that will undoubtedly contribute to the implementation of novel ideas and best practices in their respective institutions. The exchange of experiences and expertise among participants underscored the shared commitment to advancing higher education in the face of dynamic challenges.

The main organizer for this program was AKEPT, represented by Mr Azrul Izham Hamzah, Deputy Director and The Office of Deputy Vice Chancellor (Academic and International), UMK, led by Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad.

Mr Azrul Izham Hamzah, Deputy Director of AKEPT, in his closing remark mentioned that "This event not only celebrated the achievements of leaders in the higher education sector but also ignited a collective commitment to shaping a future where business acumen and academic excellence go hand in hand".





## MAJLIS APRESIASI PROGRAM UNIVERSITY LEADERS ENTREPRENEURIAL EDUCATORS' BOOTCAMP (UNILEEB): PENGHARGAAN MENYEMARAKKAN INSPIRASI PENDIDIKAN KEUSAHAWANAN

AKEPT dan Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menganjurkan majlis apresiasi berprestij bagi Program University Leaders Entrepreneurial Educators' Bootcamp (UniLEEB) pada 29 November 2023. Majlis tersebut yang bertemakan Black dan White Glitter, bertujuan bagi menghargai dan meraikan pencapaian peserta UniLEEB bagi ketiga-tiga Kohort yang berjumlah seramai 51 orang meliputi daripada semua universiti awam.





Pada majlis tersebut, pelancaran buku Coffee Table dan Kajian Kes yang bertajuk 'Leadership Chronicles – Insights from Business Titans' telah dirasmikan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK merangkap Ketua Projek UniLEEB dan Encik Azrul Izham Hamzah, Timbalan Pengarah AKEPT.

Antara sorotan utama majlis tersebut adalah penyampaian sijil Certified Entrepreneurial Leader, penganugerahan Anugerah Peserta Terbaik Kohot 3, Kajian Kes Terbaik, Anugerah Kajian Kes terbaik UniLEEB bagi kohort 3 telah dimenangi Kajian Kes yang bertajuk 'Empowering Lives with an Educational Soul: The Inspiring Journey of a Passionate Banker – Tan Sri Azman Hashim'.







Selain itu, pameran UniLEEB telah berjaya mengumpulkan hampir 20 penyertaan projek daripada para peserta UniLEEB. Pemenang pameran telah dinilai berdasarkan kepada ekspresi idea menepati amalan terbaik kepimpinan keusahawanan, strategi pelaksanaan aktiviti keusahawanan, pelaksanaan idea dengan bukti yang jitu, impak pelaksanaan program inovasi keusahawanan serta pembentangan bahan pameran yang menarik. Para juri bagi pameran adalah pakar professional dan berpengalaman daripada UPNM, UiTM, UTeM, UKM dan UMK.





Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, mengucapkan tahniah kepada semua pemenang dan peserta. Beliau menekankan betapa pentingnya keusahawanan dalam menghadapi cabaran semasa dan bagaimana program UniLEEB memainkan peranan kritikal dalam menyediakan bakat-bakat akademik universiti awam dengan alat yang diperlukan untuk membentuk pemimpin masa depan yang inovatif.



Timbalan Pengarah AKEPT berharap agar program seumpama ini akan terus memberi impak positif dalam menghasilkan bakal pemimpin pendidikan tinggi yang bercirikan nilai-nilai keusahawanan yang dinamik dan berdaya saing.

Majlis apresiasi ini bukan hanya merupakan peristiwa penghargaan, tetapi juga satu langkah ke hadapan dalam menyemarakkan semangat keusahawanan di kalangan pendidik dan pelajar.





# **AKADEMIK**

## PENDAFTARAN PELAJAR BAHARU SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024

Terpancar kegembiraan tatkala ibu bapa dan keluarga hadir dalam sesi pendaftaran pelajar baharu bagi sesi akademik 2023/2024 di Universiti Malaysia Kelantan (UMK) baru-baru ini.

Pendaftaran pelajar baharu telah berlangsung pada 1 Oktober 2023 dan 23 Oktober 2023 yang berlangsung secara serentak di Kampus Kota, Bachok dan Jeli melibatkan 10 buah fakulti. Pendaftaran telah bermula seawal 8.00 pagi sehingga 4.30 petang.

Jumlah keseluruhan pelajar baharu yang telah mendaftar adalah seramai 3705 orang. Kesemua pelajar mula melengkapkan pendaftaran universiti secara dalam talian bermula 8 September dan 17 Oktober lalu diikuti pendaftaran kolej kediaman mulai 1 Oktober dan hingga 23 Oktober 2023.





## PROGRAM TEAM BUILDING DUTA AKADEMIK BERSAMA STAF PUSAT PENGURUSAN AKADEMIK (PPA)

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) telah melantik perwakilan dalam kalangan pelajar di UMK yang dikenali sebagai duta akademik. Duta akademik berperanan sebagai wakil pelajar untuk menarik minat bakal pelajar melanjutkan pengajian ke UMK. Selain itu, menghubungkan UMK dengan pihak luar UMK yang terdiri daripada ibu bapa dan bakal pelajar yang akan melanjutkan pengajian ke Universiti.

Seramai 27 orang Duta Akademik UMK telah dilantik yang berkuatkuasa pada 1 Julai 2023. Duta Akademik ini perlu melalui proses pengenalan kepada hal ehwal pengurusan akademik dan juga ahli pengurusan akademik di bawah Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa).

Bagi mencapai hasrat ini, Program Team Building Duta Akademik bersama staf Pusat Pengurusan Akademik (PPA) telah dilaksanakan pada 16 sehingga 18 November 2023 di Belum Rainforest Resort, Gerik, Perak. Selain itu, program team building ini akan menyumbang kepada pengukuhan stamina dan kekuatan minda kepada duta akademik UMK.





# **PENGAJARAN & PEMBELAJARAN**

## BENGGKEL SELF INSTRUCTIONAL MATERIALS (SIM) UNTUK OPEN AND DISTANCE LEARNING (ODL)

Sebagai persediaan kepada para pensyarah bagi menyahut saranan Kementerian Pendidikan Tinggi bagi rombakan ekosistem pendidikan tinggi dengan memaksimumkan platform ODL sekaligus memastikan kelangsungan kemajuan pengajian pelajar dan memelihara kualiti pengajian bagi memastikan kepentingan peluang pelajar dalam prospek kerjaya pada masa akan datang, PKPA telah menganjurkan Bengkel Self Instructional Materials (SIM) untuk Open and Distance Learning (ODL) pada 26 Oktober 2023 bertempat di Bilik Kuliah 1, Aras 1, Pusat Islam, UMK Bachok.

Disasarkan kepada penyelaras ODL setiap fakulti UMK dengan pencalonan daripada Timbalan Dekan (Akademik dan Antarabangsa) masing-masing bagi memberi pendedahan mengenai SIM dengan merujuk kepada sumber pendidikan yang direka untuk pelajar belajar secara bebas tanpa pengawasan langsung daripada pensyarah. Bahan-bahan ini amat relevan dalam konteks ODL, di mana pelajar sering tersebar secara geografi dan mungkin tidak mempunyai interaksi bersemuka secara berkala dengan pengajar.

Dalam ODL, reka bentuk dan pemilihan SIM memainkan peranan penting dalam memastikan pelajar mempunyai pengalaman pembelajaran yang bermakna dan berkesan walaupun pemisahan fizikal dari tetapan bilik darjah tradisional.






# WEBINAR PENILAIAN DAN PENTAKSIRAN SIRI 2: TRANSFORMASI PENTAKSIRAN - INOVASI DIGITAL DALAM PENILAIAN ALTERNATIF



Elemen penilaian dan pentaksiran memiliki kepentingan yang sangat besar dalam konteks pendidikan. Dalam proses evaluasi kemajuan pelajar, melalui penilaian ia dapat membantu pensyarah untuk mengukur kemajuan pelajar dan pemahaman bahan pelajaran. Sebagai tambahan dengan pentaksiran, gambaran yang lebih luas tentang pencapaian siswa, termasuk aspek-aspek bukan akademik seperti keterampilan sosial, kreativiti, dan aspek kepemimpinan.

Webinar telah berlangsung pada 1 November 2023 secara dalam talian yang disampaikan oleh YBhg. Prof. Dr. Fauziah binti Abdul Rahim, Profesor Pusat Pengajian Pendidikan Kolej Sastera dan Sains, Universiti Utara Malaysia (UUM). Webinar ini dianjurkan bagi membantu para pensyarah UMK mengintegrasikan penilaian dan pentaksiran secara efektif, pendidik dapat memaksimalkan manfaat untuk memandu pembelajaran siswa, meningkatkan kualiti pengajaran, dan memperbaiki sistem pendidikan secara keseluruhan.





Forum

'Pembudayaan Amalan Baik SULAM'



21 November 2023

Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota

2.30 ptg - 4.00 ptg



**Moderator**  
Dr. Wan Suriyani Faliq Adeeba  
Binti Wan Ibrahim  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Bolejuteranan Dan Teknologi  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

**Panel**  
Dr. Hamidah Binti Idris  
Pensyarah Kanan  
Jabatan Biologi  
Fakulti Sains Dan Matematik  
Universiti Pendidikan Sultan Idris  
(UPSI)

**Panel**  
Dr. Wan Mohd Adzim  
Bin Wan Mohd Zain  
Timbalan Pengarah  
Bahagian Transformasi Akademik  
Pusat Pengurusan Kecemerlangan &  
Inovasi Akademik  
Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

**Panel**  
Dr. Muhammad Faizal Samat  
Ketua Pengkaji Akademik  
Unit Hal Ehwal Kurikulum  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Teknologi Mara (UiTM)

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA), FAKULTI HOSPITALITI, PELANCONGAN DAN KESEJAHTERAAN



## FORUM PEMBUDAYAAN AMALAN BAIK SULAM

Pendidikan merupakan tulang belakang pembangunan sesebuah negara. Di Malaysia, konsep pembelajaran SULAM (Sekolah, Universiti, Latihan, Amalan, dan Masyarakat) telah menjadi teras dalam melaksanakan amalan terbaik dalam bidang pendidikan. Melalui platform ini, kita dapat membincangkan dan mempromosikan amalan terbaik pembelajaran SULAM di negara kita. Forum Pembudayaan Amalan Baik SULAM telah diadakan pada 21 November 2023 di Dewan Keusahawanan UMK.

Dalam usaha untuk memupuk minat dan membangunkan inovasi dalam aktiviti SULAM, kita perlu memberikan penekanan khusus kepada kursus-kursus yang ditawarkan dalam program-program akademik. Mencipta ruang kreatif untuk pelajar mengembangkan projek-projek SULAM mereka sendiri akan memberi peluang untuk pertumbuhan inovasi dan pemahaman yang lebih mendalam tentang pembelajaran SULAM.

Secara keseluruhannya, pembelajaran SULAM bukan sekadar satu konsep pendidikan, tetapi satu pendekatan holistik yang melibatkan pelbagai pihak. Sebagai masyarakat Malaysia yang berusaha menuju pembangunan yang berterusan, membina platform untuk membincangkan, mempromosikan, dan mengamalkan pembelajaran SULAM adalah langkah penting menuju ke arah pembangunan pendidikan yang lebih efektif dan inklusif.



# JOINT CONFERENCE 2023: 2ND NATIONAL CONFERENCE ON SULAM & 8TH INSPIRATIONAL SCHOLAR SYMPOSIUM DAN SULAM INNOVATE 2023

Pada 27 sehingga 29 November 2023 telah berlangsung 2nd National Conference on SULAM, 8th Inspirational Scholar Symposium & SULAM Innovate 2023 di Raia Hotel, Alor Setar. Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mencapai kejayaan gemilang dengan pengiktirafan yang tinggi dalam dua projek yang sangat bermakna. Projek Kelestarian Pelancongan Pantai Kundur atau lebih dikenali sebagai Kundur Getaway yang telah memperolehi tempat ketiga dalam pertandingan tersebut.

Projek ini adalah hasil daripada kerja gigih dan idea inovatif yang dibentangkan oleh Saudara Mohd Zaquan Fikri bin Mohd Zaki, Ketua Kumpulan, dan Saudara Muhammad Farhan bin Issa, Ahli Kumpulan, dengan bimbingan dan sokongan Puan Raja Norliana binti Raja Omar daripada Fakulti Hospitaliti, Pelancongan, dan Kesejahteraan (FHPK). Kundur Getaway menonjolkan potensi pelancongan pantai Kundur dengan menawarkan pengalaman unik dan kelestarian alam sekitar. Kemenangan ini mencerminkan dedikasi dan komitmen pelajar serta penyelidikan berkualiti di kalangan akademik FHPK.

**Universiti Malaysia KELANTAN**  
*Tahniah*

**Muhammad Farhan bin Issa**  
Ahli Kumpulan/Pelajar

**Mohd Zaquan Fikri bin Mohd Zaki**  
Ketua Kumpulan/Pelajar

**Pn. Raja Norliana binti Raja Omar**  
Pensyarah Pembimbing

Daripada  
**Fakulti Hospitaliti, Pelancongan dan Kesejahteraan (FHPK)**

Pemenang  
**Tempat Ketiga**  
bagi Projek  
**Projek Kelestarian Pelancongan Pantai Kundur (Kundur Getaway)**

Sempena  
**SULAM INNOVATE 2023**  
(Service Learning Malaysia – University For Society – Ideation, Invention and Innovation Challenge)

Pada  
**27–29 November 2023**  
Di  
**Raia Hotel & Convention Center, Alor Setar, Kedah**

Anjuran  
**Jabatan Pendidikan Tinggi,  
Kementerian Pendidikan Tinggi**

dengan kerjasama  
**Universiti Malaysia Sarawak  
(UNIMAS)**

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST | UUM | IMPACT SARAWAK 2022 | SUSTAINABLE GOALS | UNIMAS



# PKPA

Selain itu, UMK turut diumumkan sebagai penerima Anugerah Emas bagi Pertandingan Poster SULAM. Prestasi cemerlang ini datang daripada kejayaan dalam pembentangan Projek Orang Kurang Upaya Jaya Ekonomi Ke Arah Masyarakat Madani oleh YBrs. Dr. Luqman Abu-Bakar, Pensyarah Kanan Fakulti Perubatan Veterinar. Anugerah Platinum yang diterima dalam kategori Pitching Terbaik menandakan keunggulan dan inovasi yang luar biasa dalam penyampaian dan promosi projek tersebut.

Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik, Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) ingin merakamkan setinggi-tinggi ucapan tahniah dan penghargaan terima kasih kepada semua pihak yang terlibat dalam penyertaan dua projek ini. Kejayaan ini bukan hanya mencerminkan prestasi pelajar dan pensyarah, tetapi juga menonjolkan komitmen UMK terhadap inovasi, kelestarian, dan pembangunan komuniti. Semoga pencapaian ini menjadi inspirasi untuk lebih banyak kejayaan di masa hadapan dan terus membawa nama baik Universiti Malaysia Kelantan ke persada antarabangsa.

Universiti Malaysia  
**KELANTAN**

*Tahniah*

**Dr. Luqman bin Abu-Bakar**  
Fakulti Perubatan Veterinar

**Anugerah Emas**  
Poster SULAM Terbaik

**&**

**Anugerah Platinum**  
Pitching Terbaik

bagi Projek  
**Orang Kurang Upaya Jaya Ekonomi Ke Arah Masyarakat Madani**

sempena  
**SULAM POSTER COMPETITION IN CONJUNCTION  
WITH 2<sup>nd</sup> NATIONAL CONFERENCE ON SULAM 2023  
"SULAM FOR FUTURE SUSTAINABILITY"**

pada  
**27-29 November 2023**

di  
**Raia Hotel & Convention Center, Alor Setar, Kedah**

Anjuran  
**Jabatan Pendidikan Tinggi, Kementerian Pendidikan Tinggi**

dengan kerjasama  
**Universiti Utara Malaysia (UUM)**

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK, PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)



## SULAM INNOVATE SHOWCASE AND SYMPOSIUM (SUISS 2023)



Seramai dua (2) orang pensyarah FIAT dengan bantuan daripada pelajar FIAT telah menyertai program SULAM Innovate Showcase & Symposium (SUISS 2023) pada 21 November 2023, bertempat di UMK Kampus Kota. Antara staf FIAT yang terlibat adalah Dr. Mohd Zharif bin Ramli dan Pn. Tengku Halimatun Sa'adiah binti Tengku Abu Bakar.

Tahniah diucapkan kepada staf FIAT yang telah merangkul anugerah Gold Award dan Best SULAM Presentation



# PROGRAM CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME – TRAILBLAZER CUP 2023

Dua orang pelajar FIAT telah memperoleh anugerah daripada program yang dianjurkan iaitu Program Corporate Directors Training Programme – Trailblazer Cup 2023, bertarikh 21 sehingga 23 November 2023, di Hotel Crown Garden, Kota Bharu.

Tahniah diucapkan kepada SBL F20A0645 Wan Nurfatin Fathiah Binti W. Mohamad Baharudin yang telah merangkul anugerah Champion. Wan Nurfatin Fathiah menjalankan perniagaan Natgrow Bio Compost di bawah syarikat UMKLIZER. Selain itu, anugerah 10 Consolation Prizes dimenangi oleh SBF F21A1249 Siti Nur Ummairah Binti Jafri yang menjalankan perniagaan dessert makanan di bawah syarikat 5 Sweety.

Impak daripada pelaksanaan program adalah pelajar lebih berminat untuk menceburkan diri dalam dunia keusahawanan, dan bergelar usahawan setelah tamat pengajian.



## RESORT OPERATION BOOTCAMP SERIES III

Program “Resort Operation Bootcamp 3rd Series” ini dianjurkan bagi memenuhi sebahagian keperluan kursus HTS 30103 Pengurusan Resort & Tarikan Pengunjung.

Program ini telah berjaya dijalankan selama 3 hari 3 malam iaitu bermula 6 hingga 9 Disember 2023 bertempat di Kuala Lumpur. Seramai 167 pelajar dan 4 orang staf pengiring telah mengikuti program ini dengan jayanya.

Program bootcamp ini bertujuan bagi memberi nilai tambah kepada mahasiswa berkaitan ilmu pengurusan tarikan pengunjung dan resort. Program ini dilihat dapat memberi pemahaman dan mengalakkan para pelajar untuk melihat, merasai sendiri dan mempelajari dengan lebih mendalam lagi bagaimana kaedah pelaksanaan pengurusan, operasi yang diterapkan di tarikan pengunjung berkenaan.

Disamping itu, pelajar juga dapat memahami dengan lebih mendalam berkenaan operasi tarikan pengunjung melalui taklimat beserta penerangan ringkas oleh En. Harvindar, Pengurus Sumber Manusia Sunway Theme Park, Sunway Lagoon dan Puan Alya, Muzium dan Galeri Seni Bank Negara Malaysia



## BROWN BAG SERIES - RESEARCH PROPOSAL BANK AND PREPARATION

"Brown Bag Series - Research Proposal Bank and Preparation" telah berjaya diadakan bertempat di Bilik Mesyuarat Keusahawanan Maybank, UMK Kampus Kota pada 3 Oktober 2023.

Bengkel ini telah disampaikan oleh Ts. Dr. Hadhrami Ab. Ghani (bagi Geran Padanan UMK), Timbalan Dekan FSDK, Dr. Muhammad Akmal Remli (bagi Geran Antartika), Pengarah Institute for Artificial Intelligence and Big Data - AIBIG dan Ts. Dr. Mazlan Mohamed (bagi Geran Public-Private Research Network (PPRN) dan Pensyarah Kanan FSDK/Felo Bersekutu AIBIG.



## SAMBUTAN HARI STATISTIK NEGARA 2023 PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Sempena sambutan Hari Statistik Negara 2023 dengan slogan "Statistik Nadi Kehidupan" di peringkat negeri Kelantan yang berlangsung di UiTM Cawangan Kelantan Kampus Kota Bharu pada 20 Oktober 2023.

Seramai tiga orang pelajar dari Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah turut serta dalam Pertandingan Olimpiad Statistik. Ketiga-tiga pelajar ini adalah pelajar Tahun Kedua dalam program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat, iaitu Ng Poh Siang, Nurul Syazana Roslimi dan Puteri Nurdayana Batrisya Md Hasbi. Para pelajar telah diselia oleh Dr. Nur Zulaikha Mahd Ab Lah, pensyarah kanan FSDK telah berjaya membawa pulang hadiah saguhati.





# HELLO WORLD FSDK WITH SEPTEMBER FRESHIE 2023/2024

Pada 20 Oktober 2023, seramai 197 orang pelajar FSDK yang terdiri daripada 71 pelajar baharu dan 126 pelajar kanan telah menghadiri program yang dianjurkan oleh FSDK iaitu "Hello World with Freshie September 2023/2024" bertempat di Dewan Keusahawanan, UMK Kampus Kota.

Tujuan utama program ini adalah untuk memberikan pendedahan yang lebih mendalam mengenai Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK), sesi kenal suai pensyarah, pemindahan kredit, program yang dijalankan oleh fakulti selain struktur kurikulum yang melibatkan dua pengkususan iaitu AI dan Sains Data kepada para pelajar baharu.

FSDK





## KONVENSYEN INOVASI DAN TEKNIKAL NUKLEAR, MALAYSIA (NITC)


Seramai empat orang pelajar tahun dua FSDK telah menyertai Konvensyen Inovasi dan Teknikal Nuklear, Malaysia (NITC) 2023 yang diadakan di Dewan Tun Dr. Ismail, Agensi Nuklear Malaysia pada 20 Oktober 2023. Pelajar tersebut adalah Muhamad Danish, Muhammad Iqmal, Nur Fatimah dan Muhamad Fikri.

Tajuk projek pelajar tersebut ialah "Ecowatch: Intelligent Water Pollution Detection and Monitoring System". Projek ini telah diseliaikan oleh pensyarah FSDK iaitu Dr. Fakhitah Ridzuan dan Ts. Dr. Hadhrami Ab. Ghani. Jutaan tahniah diucapkan kepada pelajar dan juga pensyarah kerana telah berjaya meraih pingat gangsa (Bronze Award) yang sangat membanggakan seluruh pihak FSDK.



## TRAINING DATA TRANSFORMATION & VISUALIZATION USING POWER BI


Bengkel latihan “Data Transformation & Visualization Using Power BI” telah diadakan selama tiga hari melalui siaran atas talian (online). Bengkel ini telah dikendalikan oleh pensyarah kanan FSDK iaitu Dr. Fakhithah binti Ridzuan dan Ts. Dr. Hadhrami bin Ab. Ghani. Seramai tiga belas pelajar telah menyertai bengkel ini sepanjang 27 sehingga 29 November 2023.




## WIN @FSDK WELCOMING, ICE-BREAKING AND NETWORKING @ FSDK

Program ini telah diadakan pada 17 Disember 2023 melalui platform Zoom dan mensasarkan penyertaan seluruh pelajar FSDK termasuk pelajar pascasiswazah.

Tujuan program ini adalah untuk mengadakan sesi perkenalan dan juga memberi taklimat tentang bidang yang boleh diceburi selepas tamat pelajaran. Taklimat ini telah disampaikan oleh Timbalan Dekan FSDK, Ts. Dr. Hadhrami bin Ab. Ghani.





# **KERJASAMA AKADEMIK**

## FTKW

### MOU EXCHANGE CEREMONY SONGKHLA RAJABHAT UNIVERSITY (SKRU), THAILAND DAN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

Pada 11 Disember 2023, Majlis MOU Exchange Ceremony telah dilaksanakan di UMK Kampus Kota. Pertemuan ini menjadi tonggak penting dalam memperkuat Kerjasama antara kedua institusi pendidikan tinggi yang berkomitmen untuk meningkatkan mutu Pendidikan. Selain itu, MoU antara SKRU dan UMK ini dapat memeberikan daya saing tinggi dan dapat memberikan mahasiswa yang berwawasan global.

### THE 3RD CULTURAL EXCHANGE HYBRID MOBILITY PROGRAM 2023

Program Mobiliti pelajar Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW), UMK bersama dengan Faculty of Fine and Applied Arts at, Thammasat University (TU), Thailand telah diadakan pada 12 Disember 2023 di FTKW, UMK Bachok.



## LAWATAN DARIPADA SYARIKAT DISINI WORK, SDN. BHD. BERKENAAN DENGAN PLATFORM GIG EKONOMI

Pada, 26 November 2023 Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan telah menerima lawatan daripada Syarikat DISINI Work Sdn. Bhd. berkenaan dengan Platform GIG Ekonomi.

Lawatan ini diadakan adalah bertujuan untuk mempertingkatkan kerjasama dan kolaborasi diantara UA dan IPT diseluruh negara dalam melaksanakan platform pekerjaan GIG yang terbesar di Malaysia merangkumi pelbagai lapisan kepakaran dan kemahiran.



## KUNJUNGAN HORMAT KE YAYASAN DAKWAH ISLAMIYAH MALAYSIA

FBI telah mengadakan kunjungan hormat ke Ibu Pejabat Yayasan Dakwah Islamiyyah Malaysia (YADIM), Putrajaya pada 18 Oktober 2023. Kunjungan ini telah disambut oleh YDP YADIM, Datuk Hasanuddin Bin Mohd Yunus dan Ketua Pegawai Eksekutif YADIM, Encik Zamri Bin Zainal Abidin.

Delegasi FBI yang diketuai oleh Dekan FBI, Dr. Burhan Bin Che Daud, Timbalan Dekan Dr Wan Ab Aziz Bin Wan Daud, Pengarah Pusat Terjemahan Dan Manuskrip UMK- ITBM, Prof Madya Dr. Ahmed Thalal Bin Hassan dan Pengarah Pusat PEMIKIR, Prof Madya Dr. Nurazuki Bin Mohd Yusoff.



## BENGGKEL ROBOTIK, IQ DINAMIK DI MSTG


FSDK telah menganjurkan bengkel kepada pelajar sekolah Maahad Tahfiz Sains Tok Guru pada 23 November 2023. Bengkel tersebut ialah Bengkel Robotik yang telah dikendalikan oleh pensyarah kanan FSDK iaitu Dr. Fakhitha binti Ridzuan.



## WEBINAR: ANALYTICS ACROSS SECTORS: A DATA-DRIVEN JOURNEY & DATA TRANSFORMATION & VISUALIZATION USING POWER BI

Pada 29 November 2023, FSDK telah menganjurkan webinar bertajuk “Analytics Across Sectors: A Data Driven Journey” yang disiarkan di platform media sosial Facebook rasmi UMK.

Sesi webinar ini telah menjemput panel jemputan dari luar iaitu dari Universitas Gadjah Mada, Universiti Teknologi Brunei dan juga pengasas atau ‘founder’ Saigon A.I Vietnam.





## PROGRAM CODE@SCHOOL: TECHCRAFT EXPLORERS 2023 with MSTG

FSDK yang merupakan Fakultas Teknik kepada Maahad Sains Tok Guru (MSTG). Pada 30 November 2023, FSDK telah menganjurkan program Code@School: Techcraft Explorers 2023 yang telah dikendalikan oleh Dr. Fakhitah binti Ridzuan serta pelajar di bawah penyeliaan beliau.




# PTM STAFF DEVELOPMENT WORKSHOP



Pada 11 sehingga 12 Disember 2023, Timbalan Dekan FSDK, Ts. Dr. Hadhrami telah mengendalikan bengkel PTM Staff Development mengenai pengenalan kepada ekosistem Artificial Intelligence (AI) dan Machine Learning (ML) berhubung dengan reka bentuk web dan video melalui sesi latihan. Bengkel secara dalam talian tersebut disertai oleh kakitangan pentadbir di UNISSA, Brunei.

Manakala, Dr. Muhammad Akmal Bin Remli pula menyampaikan taklimat tentang pelaksanaan praktikal AI generatif, mempamerkan aplikasi dan kaitannya dalam bidang reka bentuk web dan video.

Secara keseluruhannya, bengkel ini telah menawarkan gambaran menyeluruh tentang peranan AI dalam membentuk dan mempertingkatkan landskap multimedia dan pembangunan web.



# Majlis Perasmian & Makan Malam

15 Oktober 2023 | Ahad

Dewan Eksperimental U

PENAJA :

myne  
BY TALE

ENTREPRENEURSHIP IS OUR

sat. P  
Timb  
tunan Kerja  
ib Canselor  
mse  
hwa  
Alumni  
ar dan Al

*Dirasmikan oleh :*

Bhg. Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak  
Naib Canselor  
Universiti Malaysia Kelantan (UMK)

MALAYSIA  
MADANI

## UMK DAN ANTSBEES SDN. BHD. JALIN KERJASAMA PERKENAL PROGRAM EKSEKUTIF DATA ANALITIK

Pada 16 Oktober 2023, dalam usaha mendepani arus Revolusi Perindustrian (I.R) 4.0 dan 5.0. dunia digital khususnya dalam bidang Penganalisis Data, Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah menjalinkan kerjasama dengan Antbees Sdn. Bhd. bagi penganjuran Program Eksekutif Data Analitik di UMK.

Majlis pertukaran dokumen MoA itu telah disempurnakan oleh Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Prof. Dr. Mohammad Ismail dan diiringi oleh Dekan FSDK, Prof. Madya Ts. Dr. Hasyiya Karimah Adli dan Pengarah Pusat Pembangunan Kerjaya, Kaunseling dan Alumni, Prof. Madya Dr. Mohd Fadil Mohd Yusof.

Manakala Syarikat Antbees Sdn Bhd diwakili oleh Ketua Pengarah Eksekutifnya, Dr. Magindren Kuppusamy dan Pengarah Urusannya, En. Sofian Bin Sharin.

## FSDK

Menurut Dekan FSDK, kerjasama ini berfokus kepada penganjuran Program Eksekutif Data Analitik yang memberi platform kepada individu untuk upskilling yang ditawarkan kepada individu yang berkhidmat di sektor awam dan swasta.

Beliau berkata, peningkatan kemahiran ialah trend di tempat kerja yang memudahkan pembelajaran berterusan dengan menyediakan program latihan dan peluang pembangunan yang mengembangkan kebolehan pekerja dan meminimumkan jurang kemahiran.



## LAWATAN PENANDA ARAS KE MAKMAL KOMPUTER FAKULTI KOMPUTERAN, UNIVERSITI MALAYSIA PAHANG AL-SULTAN ABDULLAH (UMPSA)

Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK) telah mengadakan lawatan penanda aras di Fakulti Komputeran (FK), Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) Kampus Pekan. Lawatan penanda aras pada 19 Disember 2023 dijalankan dengan tujuan memberi pendedahan dan menjadikan makmal komputer Fakulti Komputeran sebagai contoh dan rujukan kepada Fakulti Sains Data dan Komputeran (FSDK).

Selain itu, FSDK juga merujuk amalan baik yang dilaksanakan oleh FK dalam mengendalikan program akademik WBL (Work-Based Learning) dan latihan konsultansi. Semoga dengan lawatan penanda aras ini akan membina jambatan kerjasama antara FK, UMPSA dan FSDK, UMK, membawa kepada perkongsian idea dan peningkatan prestasi dalam bidang keilmuan.





# **MOBILITI & ANTARABANGSA**



## NON-CREDITED MOBILITY PROGRAM 2023 BETWEEN UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN AND JIANGXI INSTITUTE OF FASHION TECHNOLOGY, CHINA



Pada 3 Julai 2023, Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Jiangxi Institute Of Fashion Technology (JFI) di China telah menandatangani perjanjian MoU. Berdasarkan perbincangan sebelum ini dengan presidennya, JFI bersetuju untuk menjalankan aktiviti akademik dengan UMK berkaitan dengan Pengajaran dan Pembelajaran, begitu juga dengan bidang-bidang yang berkaitan dalam penyelidikan dan penyeliaan pasca siswazah.

Objektif program ini adalah untuk mencipta rangkaian antarabangsa antara universiti-universiti di China dan Malaysia yang akan menyertai acara tersebut, bagi memenuhi KPI pengantarabangsa bagi UMK dengan menjalankan mobiliti di kalangan pelajar UMK dan bekerjasama dengan pelajar JFI dalam persediaan dan penyertaan dalam pertunjukan fesyen pada peringkat antarabangsa.

Pelajar FTKW akan menyertai pertunjukan fesyen bersama pelajar JFI untuk memberi mereka pendedahan dan pengetahuan untuk menyertai pertunjukan fesyen pada peringkat antarabangsa.



第27届“润华奖”服装设计大赛作品发布会  
The 27th “Runhua Award” Fashion Show



27届 “润华奖”  
27th “Runh

大赛作品发布会  
Fashion S





## LAWATAN DELEGASI TERMEZ INSTITUTE OF AGROTECHNOLOGY AND INNOVATIVE DEVELOPMENT (TIAID), UZBEKISTAN

FIAT telah menerima lawatan jalinan kerjasama daripada delegasi Termez Institute of Agrotechnology and Innovative Development (TIAID), Uzbekistan pada 3 sehingga 5 Oktober 2023. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada agenda kerjasama melibatkan kedua – dua Institusi pendidikan

Lawatan ini membincangkan jalinan kerjasama yang boleh dijalankan oleh kedua – dua Institusi pengajian tinggi, dan pihak FIAT akan mengadakan pelbagai aktiviti bersama pihak TIAID





## LAWATAN KERJASAMA AKADEMIK FIAT KE UNIVERSITI DI INDIA

FIAT telah mengadakan lawatan kerjasama akademik di beberapa universiti terpilih di India, bermula pada 11 sehingga 22 November 2023. Delegasi FIAT dihadiri oleh Dr. Mohammed Arifullah dan Dr. Muhammad Nurfaiz bin Abd Kharim. Sepanjang sesi lawatan tersebut diadakan, pelbagai perbincangan kerjasama akademik dan penyelidikan telah dibincangkan.

Lawatan ini membincangkan jalinan kerjasama yang boleh dijalankan oleh kedua – dua Institusi pengajian tinggi, dan pihak FIAT akan mengadakan pelbagai aktiviti bersama universiti terpilih di India.





## విశ్వవిద్యాలయ ప్రతినిధులకు జ్ఞాపిక ఇస్తున్న వీసీ సుందరవల్లి మలేసియా విశ్వవిద్యాలయంతో ఎంవోయూకు ప్రతిపాదనలు

**వెంకటాచలం, న్యూస్ టుడే:** మలేసియాకు చెందిన కెలాన్ టన్ విశ్వవిద్యాలయంతో వీఎస్ యూ పరస్పర అవగాహన ఒప్పందం(ఎంవోయూ) కుదుర్చుకునేందుకు వీఎస్ యూ అధికారులు ప్రతిపాదనలు సిద్ధం చేస్తున్నారు. గురువారం కెలాన్ టన్ విశ్వవిద్యాలయ ఆచార్యులు మొహమ్మద్ ఆరీఫుల్లా, మొహమ్మద్ నూర్ ఫయాజ్ బిన్ కరీంలు వీఎస్ యూకు వచ్చి ఉపకులపతి సుందరవల్లి, రిజిస్ట్రార్ రామచంద్రారెడ్డిలను కలిశారు. వీఎస్ యూలో బోధన, పరిశోధన విభాగాలు పరిశీలించారు. మలేసియా విశ్వవిద్యాలయంలో అందుబాటులో ఉన్న వనరులు, పరిశోధన విభాగాలు తదితర అంశాలను వీసీకి వివరించారు. రెండు నెలల్లో వీఎస్ యూ అధికారులు మలేసియాకు వెళ్లి విశ్వవిద్యాలయాన్ని పరిశీలించి ఎంవోయూ కుదుర్చుకోనుండటంతో విద్యార్థులు, అధ్యాపకులు హర్షం వ్యక్తం చేశారు.



FIAT

## మలేసియా విశ్వవిద్యాలయంతో ఆంగ్రూ ఒప్పందం

జిల్లాపరిషత్తు(గుంటూరు), న్యూస్ టుడే: వ్యవసాయ విద్య పరిశోధన అంశాలపై పరస్పర సహకారం ఇచ్చి పుష్కళవడంతో పాటు సహకారం అందజేయడానికి మలేసియా విశ్వవిద్యాలయంతో ఆచార్య ఎన్.జి.రంగా వ్యవసాయ విశ్వవిద్యాలయం అధికారులు ఒప్పందం కుదుర్చుకున్నారు. గుంటూరుకు సమీపంలోని విశ్వవిద్యాలయం పరిపాలన భవన లాంలో మలేసియా విశ్వవిద్యాలయం ఉప కులపతి డాక్టర్ మహమ్మద్ అబ్దుల్ కరీం, అధికారి డాక్టర్ మహమ్మద్ ఆరీఫుల్లా, ఆంగ్రూ ఉప కులపతి డాక్టర్ ఆర్. శారద జయలక్ష్మిదేవితో సమావేశమై పలు అంశాలపై మంగళవారం చర్చించారు. అనంతరం విద్య పరిశోధన అంశాల్లో రెండు విశ్వవిద్యాలయాలు సహకరించుకోవడం, ఎక్స్చేంజ్ కార్యక్రమంలో ఆంగ్రూ విద్యార్థులకు మలేసియా విశ్వవిద్యాలయంలో అధ్యయనం చేయించుకోవడంపై ఒప్పందం కుదుర్చుకున్నారు.



మలేసియా విశ్వవిద్యాలయం వీసీ డాక్టర్ అబ్దుల్ కరీంకు జ్ఞాపిక అందజేస్తున్న శారద జయలక్ష్మిదేవి

కుదుర్చుకుని ప్రలామ మార్చుకున్నారు. సమావేశంలో వర్చిటీ రిజిస్ట్రార్ జి.రామాచావు, విభాగాల అధిపతులు జి.కరుణాసాగర్, ఎల్.ప్రశాంతి, ఎ.సుబ్బరామిరెడ్డి, పి.సుధాకర్, పి.సాంబశివరావు పాల్గొన్నారు. తర్వాత బాపట్ల వెళ్లి వ్యవసాయ కళాశాలను సందర్శించి అధ్యాపకులు విభాగాలతో సమావేశమయ్యారు.





# Welcome



**Delegations Of University of Agricultural Sciences (UAS), India**

Prof. Dr. Matnahalli Ramaiah Ananda  
 Assoc. Prof. Dr. Kencharlahalli Maddanna Srinivas Reddy



**University of Horticultural Sciences (UHS), India**

Prof. Dr. Thyavanahally Hanumaiah Shankarappa  
 Assoc. Prof. Dr. Thorlavarapally Bayyareddy Manjunatha Reddy



## LAWATAN DELEGASI UNIVERSITY OF HORTICULTURAL SCIENCES (UHS), INDIA DAN UNIVERSITY OF AGRICULTURAL SCIENCES (UAS), INDIA KE FIAT, UMK

FIAT telah menerima lawatan jalinan kerjasama daripada delegasi University of Horticultural Sciences (UHS), India dan University of Agricultural Sciences (UAS), India pada 4 Disember 2023. Lawatan ini dihadiri oleh dua orang staf akademik UHS dan dua orang staf akademik UAS. Lawatan ini merupakan sebahagian daripada agenda kerjasama melibatkan kedua – dua Institusi pendidikan selaras dengan dokumen perjanjian yang dimeterai

Lawatan ini membincangkan jalinan kerjasama yang boleh dijalankan oleh kedua – dua Institusi pengajian tinggi, dan pihak FIAT akan mengadakan pelbagai aktiviti bersama pihak UHS dan UAS.



## MESYUARAT POTENSI KERJASAMA UMK DAN UNIVERSITI LEIDEN

Mesyuarat Potensi Kerjasama UMK dan Universiti Leiden pada 19 Oktober 2023 di IR 4.0 Competence Centre, UMK Kampus Kota. Delegasi diketuai oleh Prof. Bart Barendregt Profesor dan Pengerusi Kepelbagaian Digital UNESCO di Institut Antropologi Budaya dan Sosiologi Pembangunan (CADS), Netherlands.

Mesyuarat turut dihadiri oleh Dr. Reza Shaker Ardekani, Pensyarah Geografi Budaya dari Universiti Groningen dan Encik Low Weiyen, seorang pelajar Ph.D. dalam Antropologi Budaya di Universiti Leiden.

Tujuan lawatan ini adalah berkenaan hasrat yang disampaikan oleh delegasi untuk melibatkan kepakaran FSDK dalam bidang AI bagi projek mereka yang bertemakan Aplikasi AI dalam perkembangan akademik Islam (Tahfiz) di negeri Kelantan. FSDK bersetuju untuk memberi ruang kolaborasi melalui aktiviti bersama pelajar Huffaz IT di UMK Kampus Jeli.



## PERBINCANGAN KERJASAMA ANTARA FSDK DAN IARE, INDIA

Pada 31 Oktober 2023, Fakulti Sains Data dan Pengkomputeran (FSDK) menerima lawatan khas daripada Institut Kejuruteraan Aeronautik (IARE), yang terletak di Hyderabad, India. Wakil dari IARE termasuk Dr. LV Narasimha Prasad, Pengetua mereka yang sangat dihormati dan Dr. P Ashok Babu, yang mengetuai Jabatan Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber di IARE.

Delegasi dari IARE disambut mesra oleh Prof. Madya Ts. Dr. Hasyiya Karimah Binti Adli, Dekan Fakulti Sains Data dan komputeran (FSDK) dan pengurusan tertinggi FSDK yang lain di Bilik Mesyuarat Keusahawanan Maybank, UMK Kampus Kota. Hasil perbincangan tertumpu kepada program mobiliti pelajar dan peluang penyelidikan serta penerbitan artikel bersama.





## MALAYSIA-UNITED KINGDOM HIGHER EDUCATION COLLABORATION ENRICHMENT PROGRAMME (MY-UK HECEP) 2023 WALES, UNITED KINGDOM

Universiti Malaysia Kelantan adalah salah satu universiti awam yang dijemput untuk menyertai MY-UK HECEP 2023 oleh Pendidikan London Malaysia yang telah diadakan pada 1 sehingga 6 Oktober 2023. Profesor Ben Calvert, Pengerusi Rangkaian Antarabangsa Universiti Wales dan VC Universiti South Wales memberikan ucapan penyambutan diikuti dengan ucapan pembukaan oleh Dato' Zakri Jaafar, Duta Besar Malaysia United Kingdom. Pengarah Pusat Antarabangsa UMK, Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen mewakili UMK dalam program penting ini.

MY-UK HECEP telah menarik penyertaan tujuh universiti awam dari Malaysia dan tujuh dari Wales, UK. Universiti dari Wales yang menyertai termasuk University of South Wales, Swansea University, Aberystwyth University, Wrexham Glyndwr University, Cardiff University, Cardiff Metropolitan University dan University of Wales Trinity St David. UMK mencadangkan tiga bidang kerjasama utama, menumpukan kepada akademia, penyelidikan, dan aktiviti mobiliti. Bidang-bidang ini merangkumi *dual degree program* untuk pelajar sarjana, master, dan Ph.D., kerjasama penyelidikan dengan tumpuan pada geran sepadan, dan inisiatif untuk memudahkan mobiliti pelajar dan pensyarah di antara institusi yang menyertai. Acara ini membuka peluang yang berharga untuk perkongsian dan kerjasama pendidikan di peringkat antarabangsa.



UMKI



CARDIFF  
UNIVERSITY





# SWANSEA UNIVERSITY DAN UNIVERSITY OF WALES TRINITY SAINT DAVID







## UNIVERSITY OF SOUTH WALES (USW)



## UMK -SHANGHAI INTERNATIONAL STUDENT RECRUITMENT TOUR

UMK-Shanghai International Student Recruitment Tour telah berlangsung pada 15 Disember 2023 sehingga 19 Disember 2023 di China. Delegasi UMK ke beberapa university di Shanghai dipimpin oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa) Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, dibantu oleh Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen (Pengarah UMK International), Prof. Madya Ts. Dr. Nik Zulkarnaen bin Khidzir (Timbalan Pengarah Pemasaran), dan Puan Chua Hui Wen (Wakil Rantau China & Mongolia).

Program ini bertujuan mempromosikan program pengajian di UMK, menggalakkan kerjasama penyelidikan dan akademik, mobiliti pelajar dan seterusnya menarik pelajar prospektif antarabangsa untuk melanjutkan pengajian di UMK.



Shanghai Institute of  
Technology (SIT)-15  
December 2023

UMKI



**Maxsine Global Art Academy-15 December 2023**



**Victoria Property Management Sdn Bhd-17 December 2023**



**Zhejiang Changzheng Vocational and Technical College (ZCVTC)- 18 December 2023**



UMKI



KONSULAT JENERAL MALAYSIA  
马来西亚总领事馆



Consulate General of Malaysia in Shanghai, China- 19 December 2023



KONSULAT JENERAL MALAYSIA  
马来西亚总领事馆





## GLOBAL ONLINE LEARNING (GOL): ENGLISH CONVERSATION CIRCLES (2ND SERIES)

Majlis Perasmian *Global Online Learning: English Conversation Circles* (Siri ke-2) yang telah diadakan pada 13 November 2023, telah berjaya mengumpul hampir 80 orang peserta ESL/EFL dari Malaysia, Thailand, Indonesia, Sri Lanka, dan Kazakhstan.

Program yang diadakan secara dalam talian merupakan inisiatif kerjasama antara Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Manusia (FBI) UMK dan Pusat Bahasa Universiti Prince of Songkla, Thailand. Kolaborasi antara dua buah universiti menunjukkan komitmen bersama untuk memupuk komuniti pembelajaran bahasa global yakni berfokus membantu peserta memperkukuhkan kemahiran berkomunikasi dalam Bahasa Inggeris.

Program ini telah disempurnakan oleh Dr. Burhan Che Daud, Dekan FBI, Profesor Madya Dr. Warapak Maitreepun, Penolong Presiden bagi *Research and Social Mission* di Prince of Songkla University Pattani dan Prof. Dr. Farok Zakaria, pensyarah Bahasa Inggeris di Pusat Bahasa, PSU yang telah dijemput untuk berkongsi pandangan dan memberi galakan kepada peserta.

Puan Atirah Izzah Che Abas, pengarah program *Global Online Learning (GOL): English Conversation Circles* (Siri ke-2) telah memberikan penjelasan mengenai gambaran menyeluruh dan objektif program tersebut. Peserta diingatkan untuk melihat GOL sebagai tempat pembelajaran yang selamat untuk pelajar meningkatkan pertuturan lisan dalam Bahasa Inggeris. Di akhir program, para peserta dari pelbagai latar belakang telah berkongsi naratif mengenai produksi filem tempatan kegemaran mereka.



## THE REGIONAL ENGLISH LANGUAGE OFFICER (RELO) FROM THE UNITED STATES EMBASSY BANGKOK

Pada 13 Disember 2023, Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) telah menerima kunjungan Eran Williams, Pegawai Bahasa Inggeris Wilayah (RELO) dari United States Embassy Bangkok pada 13 Disember 2023 di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI, UMK Baachok.

Kunjungan hormat ini bertujuan mengadakan perbincangan berkaitan peluang program kolaboratif dengan Pakar Bahasa Inggeris Kedutaan Besar Amerika Syarikat bersama English Language Fellow, Micah Ray Thomas, yang kini berada di UMK. Selain itu, perancangan untuk Program Bahasa Inggeris pada masa akan datang kepada komuniti turut dibincangkan.

Semoga kerjasama dan kolaborasi FBI dan Kedutaan Besar Amerika Syarikat di Kuala Lumpur dapat dicapai melalui pelbagai keterlibatan dan peluang kerjasama pada masa akan datang.



# برنامج دورة اللغة العربية والثقافة في المملكة العربية السعودية

التاريخ : ٢٧/١٢/٢٠٢٣ -

المنظم: كلية الدراسات اللغوية والتنمية البشرية بالتعاون مع جمعية وفود الحرم، المم



## PROGRAM MOBILITI TIDAK BERKREDIT (KURSUS JANGKA PENDEK BAHASA DAN BUDAYA ARAB) TAJAAN WFOUD ALHARAM ASSOCIATION, ARAB SAUDI

Program Mobiliti Tidak Bekredit (Kursus Jangka Pendek Bahasa dan Budaya Arab) telah dilaksanakan pada 27 Disember 2023 sehingga 7 Januari 2024. Program ini merupakan program bahasa Arab pertama yang dilaksanakan secara Pembelajaran berteraskan Kerja (WBL).

Dalam usaha memberi pendedahan antarabangsa kepada pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab, FBI mengambil inisiatif melaksanakan program mobiliti tidak berkredit (Outbound) ke negara timur tengah seperti Arab Saudi, Jordan, Morocco dan lain-lain.

Program ini bakal memberi impak yang optimum kepada pelajar UMK serta dapat mengeratkan lagi hubungan antara Arab Saudi dan UMK secara khususnya. Objektif program ini ialah untuk memperkasakan bahasa Arab dalam kalangan pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan dan memberi pendedahan budaya Arab yang sebenar kepada pelajar. Di samping itu, memberi pendedahan antarabangsa dan jaringan baik antara UMK dan Arab Saudi.







# **KEUSAHAWANAN**

## VIVA BATIK MALAYSIA 2023

Viva Batik 2023 merupakan acara jualan batik dan juga demonstrasi batik bagi menarik minat pelancong ke Malaysia. Dengan adanya acara ini, Elektif Tekstill dan Fesyen (TEXTFAS), FTKW, UMK adalah yang sangat berkait untuk memberikan pendedahan dunia tekstill dan fesyen yang terkini kepada pelajar.

Selain itu, penyertaan dalam program ini juga untuk memperkenalkan dan mempromosikan batik Malaysia dengan penjualan produk-produk hasil daripada pensyarah dan pelajar TEXTFAS. Penglibatan dalam Viva Batik Malaysia 2023 juga penting bagi tujuan memperluaskan rangkaian sosial.

Viva Batik Malaysia 2023 telah berlangsung pada 30 November 2023 sehingga 11 Disember 2023 di Pasar Seni, Kuala Lumpur.





# PELAJAR



## BINTANG KLASIK 2023 RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)

Muhammad Hisyam Abdul Rahim merupakan seorang pelajar Semester 5, Ijazah Sarjana Muda Pengajian Warisan (Elektif Seni Persembahan) telah dinobatkan sebagai Juara Bintang Klasik 2023 RTM pada 15 Oktober 2023. Tahniah diucapkan kepada Syam Rahim di atas kejayaan yang membanggakan FTKW dan UMK.

Setinggi-tinggi

*Tahniah*

**MUHAMMAD HISYAM  
BIN ABDUL RAHIM**  
PELAJAR SEMESTER 5  
IJAZAH SARJANA MUDA PENGAJIAN WARISAN  
ELEKTIF SENI PERSEMBAHAN  
atas pencapaian dinobatkan sebagai  
**JUARA  
BINTANG KLASIK 2023  
RADIO TELEVISYEN MALAYSIA (RTM)**

Tulus Ikhlas Daripada  
Dekan dan Seluruh Warga Kerja  
Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan



## TREECARE SAFETY PROFFESIONAL CERTIFICATE ANTARA SIJIL PROFESIONAL YANG PERLU UNTUK GRADUAN

Dibawah geran PENJANA KPT-PACE Fasa 3/2023, satu program keselamatan dan penjagaan pokok (Tree care safety) telah dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan Kampus Jeli yang diketuai oleh Ts. Dr. Noor Janatun Naim. Program yang berlangsung selama 12 hari ini disertai oleh 26 orang graduan, bakal graduan dan alumni UMK dari 19 hingga 30 Ogos 2023. Tujuh modul dipelajari dan dipraktikkan berakhir dengan ujian lapangan dan teori yang melayakkan peserta dianugerahkan sijil profesional ANSI Z133-2017 Standard for Arboricultural Operations-Safety Requirements daripada International Society of Aboriculture (ISA) dan sijil kompetensi Tree Worker Safety daripada badan pengiktiraf Tree Care Safety. Program dijalankan dengan kepakaran dan kumpulan teknikal berpengalaman daripada Deco Alam Consult yang diterajui oleh En. Saifful Pathil (Certified Arborist). Petzl dan Husqvarna merupakan penaja peralatan rasmi yang digunakan sepanjang program ini.

Tujuan utama program ini selain dapat meningkatkan kompetensi profesional graduan serta memberi nilai tambah bagi meneroka peluang pekerjaan kelak, ia adalah bagi memberi pemahaman kepada peserta untuk melakukan kerja berkaitan pengurusan dan penyelenggaraan pokok termasuk teknik pemangkasan dan penebangan secara praktikal (hands-on) mengikut piawaian antarabangsa. Teori dan praktikal yang diajar dalam kursus ini mendedahkan peserta kepada real-world experience dalam memahami proses kerja pengurusan dan penyelenggaraan pokok bagi memastikan keselamatan orang awam, pokok dan sekeliling terjaga. Hal ini juga dapat memberi pendedahan dan kemahiran kepada peserta untuk mempersiapkan diri sebagai pekerja mahir (skilled-worker) dalam pelbagai sektor pekerjaan yang berkaitan.



## FSB

Program yang padat dengan aktiviti mencabar dan pengalaman baharu ini diperakui oleh peserta dengan peningkatan pemahaman tentang kerja berkaitan keselamatan dan penjagaan pokok secara hands-on dan mengikut piawaian. Begitu juga dengan peningkatan kemahiran psikomotor pada sesi praktikal seperti kemahiran dalam teknik pemangkasan dan penebangan menggunakan gergaji berantai, sistem tali semasa memanjat, peralatan keselamatan (PPE) dan teknik penjagaan pokok. Sesi praktikal yang dijalankan sekaligus memberi pendedahan kepada realiti pekerjaan dalam bidang pengurusan pokok dan landskap kepada para peserta. Selesai program, sedikit majlis penutup telah diadakan sebagai penghargaan bagi menyampaikan sijil profesional dan sijil kompetensi yang telah berjaya diperolehi melalui ujian teori dan praktikal yang telah di jalankan.







# AKTIVITI



## KEPENTINGAN DAN KESEDARAN PENGURUSAN ERGONOMIK

Pengurusan Ergonomik adalah elemen yang penting di tempat kerja yang menerapkan pengetahuan dan kesedaran mengenai penyesuaian tugas dan persekitaran kerja dengan pekerja melalui pendekatan saintifik berdasarkan kepada tujuan mengoptimumkan keselamatan dan kesihatan serta kesejahteraan di tempat kerja.

Selaras dengan kepentingan pengurusan ergonomik ini, satu kursus Pengenalan kepada Ergonomik telah dianjurkan oleh Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) bertempat di Bilik Seminar 1, Pejabat Pendaftar, UMK Bachok pada 31 Oktober 2023. Kursus ini telah disampaikan oleh Ts. Dr. Darliana Binti Mohamad, Pensyarah Kanan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan yang juga pakar dalam bidang ergonomik di UMK. Kursus ini telah dihadiri hamper 20 orang staf Pejabat TNCAA meliputi semua bahagian iaitu PPA, BSP, PKPA dan UMKI.

Penganjuran kursus ergonomik ini juga merupakan salah satu inisiatif dan tanggungjawab Pejabat TNCAA selaku wakil majikan dalam memastikan keselamatan, kesihatan dan kebajikan staf di tempat kerja. Puan Siti Aisyah binti Ahmad, salah seorang peserta kursus tersebut berkata “ Kursus seperti ini amat bermanfaat kepada staf memandangkan staf menghabiskan masa hampir 8 jam sehari, 5 hari dalam seminggu bekerja di pejabat menggunakan kerusi dan komputer. Antara tugas rutin staf adalah melibatkan postur duduk di hadapan komputer, pergerakan berulang dan juga terdedah kepada suhu persekitaran dan pencahayaan di ruangan pejabat”.





Kursus  
**ERGONOMIK**  
dan Persekitaran  
Kerja Selamat




UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

**31 Oktober 2023 (Selasa)**  
**9.00 Pagi - 5.00 Petang**  
**Bilik Seminar 1, Aras 2,  
Pejabat Pendaftar,  
Bangunan Canselori  
UMK Bachok**

Disampaikan oleh  
**TS DR. DARLIANA BINTI MOHAMAD**  
Pensyarah Kanan  
Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan  
**Registered Ergonomics Trained Person -  
Initial ERA (DOSH ID.1345)  
and Advanced ERA (DOSH ID. 369)**

**Anjuran:**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
(Akademik & Antarabangsa)

Para peserta kursus telah didedahkan dengan domain ergonomik, prinsip pengurusan ergonomik, manual pengendalian ergonomik di pejabat serta didedahkan dengan kemahiran dan pengetahuan berkenaan penilaian risiko pengurusan ergonomik di tempat kerja. Ts. Dr. Darliana berkata “Kesedaran dan pengetahuan mengenai pengurusan ergonomik di tempat kerja dapat membantu meringankan beban kerja seharian disamping memastikan keselamatan dan kesihatan pekerja sentiasa optimum seterusnya membantu meningkatkan produktiviti jabatan”.

Ts. Dr. Darliana turut menambah “ antara perkara yang paling biasa dan mudah terjadi di ruang kerja adalah duduk menaip menggunakan papan kekunci dengan cara dan kedudukan yang betul. Ramai staf sudah terbiasa dengan amalan harian tersebut dan terlepas pandang dengan risiko sindrom ‘carpal tunnel’ di pergelangan tangan. Staf perlu menitik beratkan keperluan untuk melakukan senaman regangan dan merehatkan mata setelah bekerja dalam tempoh masa yang tertentu.”

## PENGLIBATAN WAKIL PELAJAR DALAM MESYUARAT SENAT UMK

UMK sentiasa mengambil pendekatan keterbukaan dengan mengalu-alukan pandangan pelajar dalam pengurusan governan akademik UMK menerusi penglibatan wakil Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) dalam mesyuarat Senat UMK.



Yang BerBahagia, Prof. Dato' Dr. Razli Bin Che Razak, Naib Canselor UMK selaku Pengerusi Senat mengalu-alukan kehadiran pelajar dalam mesyuarat Senat Bilangan 7 yang telah diadakan pada 9 Oktober di Bilik Mesyuarat Senat, Bangunan Canselori , UMK Bachok pada hari ini.

Pada mesyuarat Senat kali ini, Pengerusi Senat turut menyampaikan watakah pelantikan kepada Dekan baharu Pusat Pengajian Siswazah (PPS) iaitu Yang Berbahagia, Prof. Dr. Balakrishanan a/l Parasuraman bermula pada 5 September 2023.

**BSP**



Majlis **STAR**  
Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa

11 Oktober 2023



## MAJLIS ANUGERAH PENGHARGAAN DAN KERAIAN STAF TNCAA

Satu majlis bagi menghargai sumbangan dan pencapaian staf Pejabat Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMK telah diadakan pada 11 Oktober 2023. Majlis yang diberi nama sebagai STAR iaitu Staff Appreciation and Recognition ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad, Timbalan Naib Canselor Akademik dan Antarabangsa UMK. Majlis STAR ini telah menghimpunkan seramai hampir 70 orang staf Pejabat TNCAA dan turut dihadiri oleh Dekan PPS dan Dekan FSDK.

Majlis yang bertemakan White & Denim ini bermula dengan ucapan perasmian, paparan montaj, penyampaian 9 kategori anugerah dan penyampaian cabutan bertuah. Wakil daripada bahagian/pusat dibawah TNCAA turut menyerikan majlis pada petang tersebut dengan persembahan karaoke dan tarian.

Timbalan Pendaftar BSP, Mohd Badrul Hisyam bin Muhammad Alias selaku Ketua Penganjur dalam ucapan aluan beliau menyatakan majlis yang julung kali diadakan ini adalah bertujuan untuk menghargai sumbangan dan pencapaian staf Pejabat TNCAA bagi tahun 2022.

“Majlis STAR ini dapat dilaksanakan hasil kerjasama daripada semua pihak yang berganding bahu memastikan semua persiapan berjalan dengan lancar”.

Beliau turut berkata , pada tahun hadapan, pusat/bahagian lain Pejabat TNCAA akan mengambil giliran untuk menganjurkan majlis seumpama ini.



Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dr. Nik Maheeran binti Nik Maheeran berkata, “Portfolio selaku Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK amatlah mencabar dan tanpa komitmen semua staf dalam mencapai KPI dan sasaran yang telah ditetapkan, Pejabat TNCAA tidak mampu mengorak kejayaan demi kejayaan seperti yang telah dinikmati pada hari ini.”



Pusat Antarabangsa UMK – UMKI telah memenangi Anugerah Sinergi pada majlis STAR kali ini berdasarkan kepada pencapaian yang membanggakan dalam peningkatan pelajar antarabangsa UMK dan sumbangan kepada penjanaan pendapatan yang bernilai hampir RM 450,000.00. Nilai tersebut adalah hasil yuran pengajian pelajar antarabangsa projek MIE- WUZI bersama pihak FKP.



BSP



Pejabat Timbalan Naib Canselor  
Akademik dan Antarabangsa

11 Oktober 2023



Antara kategori anugerah yang telah disampaikan pada majlis STAR tersebut adalah Anugerah ACE, MVP, Dedikasi, Passionate, Sijil Perkhidmatan Cemerlang, Anugerah Rookie of the Year dan 3 Anugerah Live Voting. Anugerah Live Voting meliputi Ceria All Star, Inspirasi dan Hero telah dijalankan secara terus menggunakan platform Kahoot dimana semua staf yang hadir pada majlis STAR tersebut boleh terus mengundi staf yang paling layak untuk menerima anugerah-anugerah yang telah dinyatakan.

Penerima anugerah membawa pulang sijil penghargaan, hampir dan trofi. Bagi cabutan bertuah, sebanyak lebih 30 hadiah yang disumbangkan oleh YBhg. Prof. Dato' Dr. Nik Maheran Nik Muhammad dan staf Pejabat TNCAA.





# WEBINAR BICARA “ILMU DAN KEBENARAN, DI MANAKAH KITA?” BERSEMPENA DENGAN SAMBUTAN BULAN AKADEMA TAHUN 2023 PERINGKAT UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN

**Universiti Malaysia Kelantan**  
**Hari AKADEMA**  
*Selamat Menyambut Hari Akademia dan Bulan Akademia 2023*  
 "Akademia Pemacu Malaysia Madani"

## Bicara Ilmu dan Kebenaran: Di Manakah Kita?

Tarikh  
**19 Oktober 2023**

Platform  
**zoom meeting (<https://shorturl.at/ckycX>)**

Masa  
**10.00 pagi**

**Penceramah**  
**Dr. Noor Hisham bin Md Nawawi**  
 Pensyarah Kanan  
 Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan  
 Universiti Malaysia Kelantan



**Moderator**  
**Puan Nurul Iman binti Ahmad Bukhari**  
 Guru Bahasa  
 Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan

PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)

OfficialUMKM umk.edu.my

ENTREPRENEURSHIP & BUV UMAM

Kita #BincLegasiUMK #OneUMKoneDream



Bersempena dengan sambutan Bulan Akademia tahun 2023 peringkat Universiti Malaysia Kelantan, PKPA mengambil inisiatif untuk sama-sama memeriahkannya dengan menganjurkan satu webinar yang disampaikan oleh Dr. Noor Hisham Bin Md Nawawi, Pensyarah Kanan, Jabatan Sains Kemanusiaan Fakulti Pengajian Bahasa bersama moderator Puan Nurul Iman Binti Ahmad Bukhari, Guru Bahasa FBI.

Dengan mensasarkan kepada tenaga pendidik UMK dan semua pendidik sekitar Bachok dengan hebahan kepada Pejabat Pendidikan Daerah Bachok bertujuan bagi mendedahkan kepada peserta mengenai cabaran dalam menangani persoalan-persoalan yang wujud dalam arus pendidikan negara serta kesedaran mengenai kepentingan peranan setiap individu.

# LAWATAN AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) SPK MS ISO 9001:2015 DI PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA)

PKPA

Pada 13 Disember 2023, Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dengan penuh rasa gembira mengalu-alukan kehadiran YBrs. Dr. Nur Farahiah binti Azmi, seorang Auditor yang baru dilantik Pusat Pengurusan Kualiti UMK, sempena Lawatan Audit Kualiti Dalaman (AKD) SPK MS ISO 9001:2015. Lawatan ini menjadi satu tunggak penting dalam usaha PKPA untuk mengekalkan standard kualiti dan kecekapan dalam perkhidmatan pendidikan.

Audit ini bertujuan untuk menilai keberkesanan pelaksanaan sistem pengurusan kualiti mengikut piawaian MS ISO 9001:2015 yang ditetapkan. Sebagai auditor yang mempunyai kepakaran dalam bidangnya, YBrs. Dr. Nur Farahiah binti Azmi dijangka membawa pandangan kritis dan pengalaman yang bernilai dalam membantu PKPA mencapai matlamat kecemerlangan.

Kepentingan lawatan ini tidak hanya sebatas kepada pematuhan piawaian standard, tetapi juga membuka peluang untuk penambahbaikan berterusan. Dengan penuh semangat, PKPA bersedia untuk memberikan kerjasama penuh dan menyediakan segala maklumat yang diperlukan untuk memastikan proses audit berjalan lancar.

Lawatan Audit Kualiti Dalaman ini akan dijalankan secara dalam talian, mencerminkan adaptasi terhadap persekitaran yang berubah dalam konteks pandemik global. Ini menunjukkan komitmen PKPA untuk terus melaksanakan tanggungjawabnya sambil mengamalkan cara-cara yang selamat dan efisien.

Sebagai pusat yang menyokong dan membangunkan kualiti akademik di Universiti Malaysia Kelantan (UMK), PKPA meletakkan kepentingan kualiti sebagai teras utama dalam setiap inisiatif dan aktiviti yang dijalankan. Lawatan ini akan memberikan pandangan yang menyeluruh tentang pencapaian dan potensi penambahbaikan, seiring dengan aspirasi UMK untuk menjadi institusi pendidikan terunggul.

PKPA mengucapkan terima kasih di atas sokongan dan kerjasama semua pihak dalam usaha menjadikan UMK sebagai pusat kecemerlangan pendidikan tinggi di rantau ini. Semoga Lawatan Audit Kualiti Dalaman ini akan menjadi satu proses yang memberangsangkan dan membawa impak positif kepada kelestarian sistem pengurusan kualiti di PKPA dan seluruh institusi.

The screenshot shows a Zoom meeting interface. On the left, there are several video thumbnails of participants. The main window displays a presentation slide titled "PEMBELAJARAN HIBRID DAN ANJAL (HYFLEX)". The slide content includes:

- 03 PROGRAM** Pembelajaran hyflex di UMK
  - Fakulti Pelancongan, Hospitaliti dan Kesejahteraan
  - Fakulti Bahasa dan Pembangunan Insan
  - Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan
- 04 PROGRAM** Pengurangan tempoh pengajian dari 4 tahun ke 3 tahun
  - Fakulti Keusahawanan dan Perniagaan

At the bottom of the slide, there is a red circle with the number "82". To the right of the slide, there are four tables detailing student placement, learning instruction, learning model, and average credit hours.

1 STUDENT PLACEMENT			
IMPLEMENTATION	YEAR 1	YEAR 2	YEAR 3
	SIC	SIC / SoC	SIC & SoC / Intern

2 LEARNING INSTRUCTION			
IMPLEMENTATION	YEAR 1	YEAR 2	YEAR 3
	Technological Rich Instruction/Blended learning	Technological Rich Instruction/Blended learning / Self Learning	Technological Rich Instruction/Blended learning / Self Learning

3 LEARNING MODEL			
IMPLEMENTATION	YEAR 1	YEAR 2	YEAR 3
	Students Flipped Classroom Model	Peer Model/Blended Model (allows student to choose their environment to learn) / Self-Paced Learning	Enriched Virtual Model (Student attends in campus on designated days followed by off-campus)

4 AVERAGE NO. OF CREDIT HOURS			
IMPLEMENTATION	YEAR 1	YEAR 2	YEAR 3
	42	42	36
<b>TOTAL CREDIT HOURS</b>	<b>120</b>		

Nota: Student in Campus (SIC) / Student off Campus (SoC)

At the bottom of the slide, there is a footer with social media handles and the text "PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSELOR (A&A)".

# BICARA AKADEMIKA BERSAMA PROFESOR EMERITUS: THE FUTURE OF UMK CHALLENGES, DYNAMISM AND WAY FORWARD IN THE ERA OF CHANGE

Universiti Malaysia Kelantan (UMK) melalui Pusat Kecemerlangan dan Pembangunan Akademik (PKPA) dan Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) berbesar hati untuk mengumumkan anjuran "Bicara Akademia Bersama Profesor Emeritus."

Program ini adalah sebahagian dari usaha UMK untuk mengembangkan ilmu pengetahuan dan berkongsi pengalaman dari para cendekiawan terkemuka.

Bicara Akademia ini akan disampaikan oleh YBhg. Prof. Emeritus Dato' Dr. Ibrahim bin Che Omar, seorang Profesor Emeritus di UMK. Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim telah menyumbang secara besar-besaran dalam bidang penyelidikan dan pengajaran, serta telah memberi sumbangan penting kepada perkembangan ilmu pengetahuan.





Acara ini menjadi platform untuk menyelami kebijaksanaan Profesor Emeritus Dato' Dr. Ibrahim, yang akan berkongsi pandangan, pengetahuan, dan pengalaman uniknya. Bicara ini bertujuan memberikan pencerahan kepada komuniti akademik dan menyemai inspirasi dalam kalangan pelajar dan staf universiti.

Bagi semua warga akademik dan komuniti UMK, diharapkan agar program ini memberikan nilai tambah kepada kejayaan program dan memberikan inspirasi kepada generasi baru dalam mengejar keunggulan akademik. Program Bicara Akademia Bersama Profesor Emeritus telah berjaya dilaksanakan pada 14 Disember 2023 di Auditorium Pejabat Perpustakaan dan Pengurusan Ilmu, UMK Bachok.









## PEMBENTANGAN TUGASAN AKHIR BAGI KURSUS ASAS PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN (KAPP) 2023

Dalam sesi akhir kursus Asas Pengajaran dan Pembelajaran (KAPP) 2023, peserta telah menyampaikan tugas akhir mereka dengan semangat dan antusiasme yang tinggi. KAPP memberikan peluang kepada peserta untuk mengaplikasikan konsep yang telah dipelajari sepanjang kursus berlangsung pada 4-13 September 2023 yang lalu dalam konteks praktikal.

Tugas akhir ini membawa peserta ke dalam pengalaman pengajaran dan pembelajaran yang lebih mendalam, membolehkan mereka mengintegrasikan teori dan praktik dalam pelbagai aspek pengajaran. Pembentangan tugas akhir merupakan salah satu aspek penting dalam kursus ini, di mana setiap peserta harus mengadakan sesi latihan pengajaran dengan membawa idea, penggunaan teknologi dalam pengajaran, strategi pengajaran, dan hasil pembelajaran mereka.

Pada hari pembentangan, suasana di dalam ruangan menunggu penuh dengan semangat kecemerlangan. Setiap peserta dengan penuh keyakinan menyampaikan tugas akhir mereka di hadapan panel penilai yang memberikan maklum balas konstruktif dan bertanya soalan untuk menggali lebih mendalam tentang penyelidikan dan pemikiran di sebalik tugas akhir. Ini memberikan pengalaman pembelajaran yang bermakna kepada peserta, memperkukuhkan pemahaman mereka tentang aspek-aspek penting dalam pengajaran dan pembelajaran.





Selain itu, pembentangan tugas akhir ini juga membuka ruang untuk perkongsian idea dan pandangan antara pelajar. Setiap pembentangan menjadi platform untuk memahami pendekatan yang berbeza dan mendapatkan inspirasi dari rakan sejawat.

Kejayaan dalam pembentangan tugas akhir ini mencerminkan pencapaian dan pemahaman peserta terhadap elemen-elemen asas pengajaran dan pembelajaran. Ia juga memberikan peluang kepada pensyarah untuk melihat perkembangan peserta dalam menerapkan konsep-konsep yang telah dipelajari sepanjang kursus.

Secara keseluruhan, pembentangan tugas akhir dalam KAPP 2023 merupakan pengalaman yang memberi impak dan meninggalkan kesan yang positif terhadap setiap peserta. Ini bukan hanya suatu tugas akhir, tetapi satu langkah ke arah menghasilkan pendidik yang lebih berwawasan dan berkesan dalam proses pengajaran dan pembelajaran.



Selamat Menyambut  
Hari Akademik dan  
Bulan Akademik  
2023  
"Akademia Pemacu  
Malaysia Madani"

PKPA

## Workshop Authentic Examination Questions For Future Digital Assessment

Date  
16 November 2023

Venue  
Bilik Tutorial 1, (KA01T),  
Kompleks Akademik,  
UMK Bachok

Time  
8.30 am - 4.30 pm



Panel  
Prof. Madya  
Dr. Aishah Abu Bakar  
Universiti Malaysia Pahang  
Al-Sultan Abdullah



CENTER FOR ACADEMIC EXCELLENCE AND DEVELOPMENT (CAED), OFFICE OF THE DEPUTY VICE-CHANCELLOR (ACADEMIC AND INTERNATIONAL)



## BENGGKEL "AUTHENTIC EXAMINATION QUESTION FOR FUTURE DIGITAL ASSESSMENT"

Bengkel "Authentic Examination Question For Future Digital Assessment" dianjurkan bertujuan untuk membincangkan dan mewujudkan keabsahan set kompilasi soalan peperiksaan untuk penilaian digital masa depan melibatkan merancang tugas yang mencerminkan senario dunia sebenar dan memerlukan kemahiran berfikir aras tinggi.

YBrs. Prof. Madya Ts. Dr. Aishah binti Abu Bakar dijemput dari Universiti Malaysia Pahang Al-Sultan Abdullah (UMPSA) bagi membantu para pensyarah UMK untuk menyelaraskan penilaian dengan objektif pembelajaran, mempromosikan pemikiran kritis, penyelesaian masalah, dan aplikasi praktikal pengetahuan dalam konteks digital. Bengkel ini selesai diadakan pada 16 November 2023 di Bilik Tutorial 1, (KA01T) Kompleks Akademik UMK Bachok.



# WEBINAR “PTS” (PEMBELAJARAN TERADUN SOKONGAN) VS “PTG” (PEMBELAJARAN TERADUN GANTIAN)





Bagi membincangkan perbezaan di antara “PTS” dan “PTG”, Ketua Unit Inovasi Pengajaran dan Pembelajaran PKPA, YBrs. Dr. Ahmad Zaki Bin Amiruddin telah mengetuai satu webinar pada 2 November 2023 untuk memberi pencerahan kepada para pensyarah UMK. Konsep dasar bagi kedua – dua kaedah adalah penyesuaian atau adaptasi pembelajaran untuk memenuhi keperluan pelajar dengan lebih baik. PTS menekankan dukungan tambahan, sementara PTG menyoroti alternatif atau variasi dalam metode pengajaran.

**Webinar**  
**“PTS”** [Pembelajaran Teradun Sokongan] **VS** [Pembelajaran Teradun Sokongan]  
**“PTG”** [Pembelajaran Teradun Sokongan]

Tarikh  
 2 November 2023 (Khamis)  
 Platform  
 zoom meeting  
<https://zoom.us/j/95164544614?pwd=S2RHatZlVWjBND0dDFtdkE3dnVsQT09>  
 Masa  
 11.00 pagi



Panel  
 YBrs. Dr. Ahmad Zaki Bin Amiruddin  
 Ketua Unit Inovasi Pengajaran Dan Pembelajaran,  
 Pusat Kecemerlangan Dan Pembangunan Akademik (PKPA)

PUSAT KECEMERLANGAN DAN PEMBANGUNAN AKADEMIK (PKPA) PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (AKADEMIK DAN ANTARABANGSA)





# WEBINAR TRANSFORMATION TEACHING WITH CANVA FOR ODL



**Webinar**  
**TRANSFORMATIVE TEACHING WITH CANVA**

UNVEILING THE FUTURE: UMK'S OPEN DISTANCE LEARNING

Date: **20 December 2023 | 10.00 am** Time:

Panel:  
**Dr. Hana Yazmeen binti Hapiz**  
Ketua Unit Ignites Venture Lab

Join Us Via **ZOOM**

Dengan Kerjasama: Pusat Kecemerlangan dan Pengurusan Akademik (PKPA) & Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ)

Pada 20 Disember 2023, Pusat Kecemerlangan & Pembangunan Akademik (PKPA) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) telah berjaya menganjurkan "Webinar Transformation Teaching with Canva for ODL." Program ini telah diadakan secara dalam talian melalui platform Zoom Meeting.

Program selama 2 jam ini telah menarik penyertaan 100 orang Staf Akademik dan Pentadbir UMK yang berminat untuk memahami dan mengaplikasikan pembelajaran inovatif dalam konteks pembelajaran jarak jauh mahupun dalam pelaksanaan kerja harian.

Bicara utama dalam webinar ini disampaikan oleh YBrs. Dr. Hana Yazmeen, Ketua Unit Ignites Venture Lab UMK, yang telah membawa wawasan mendalam mengenai penggunaan platform Canva dalam pembelajaran dalam talian. Beliau membahas pelbagai kaedah dan strategi untuk mencipta bahan pembelajaran yang menarik dan efektif menggunakan platform ini.

Webinar ini bukan sekadar satu-satunya pendekatan, tetapi juga merupakan langkah strategik dalam menyokong dan mendorong peserta untuk mengaplikasikan pembelajaran inovatif. Peserta diajak untuk menggabungkan kaedah pembelajaran terkini dengan teknologi, mencipta persekitaran pembelajaran yang lebih interaktif dan menarik.

Harapan dari program ini adalah agar peserta dapat mengambil inspirasi dari pengalaman dan pandangan yang dikongsi, serta dapat mengintegrasikan teknologi secara kreatif dalam pembelajaran mereka. Transformasi pengajaran dan pembelajaran diharapkan dapat mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih efektif, berkesan, dan relevan dengan realiti semasa.

# WEBINAR MASTERING SLIDE WITH AI

## Webinar MASTERING SLIDE USING AI

Date: 28 December 2023 | Time: 10.00 am


Panel:

**Ts. Dr. Nooraziah Binti Ahmad**  
Pensyarah Kanan, Fakulti Teknologi Kreatif Dan Warisan (FTKW)

Join us via  
**ZOOM**



Dengan Kerjasama: Pusat Kecemerlangan dan Pengurusan Akademik (PKPA) & Pusat Pengurusan



Pusat Kecemerlangan & Pembangunan Akademik (PKPA) dengan kerjasama Pusat Pengurusan Kualiti Universiti (PPQ) sekali lagi menganjurkan "Webinar Mastering Slides Using Ai For ODL" pada 28 Disember 2023 bagi memberi sokongan kepada pelopor-pelopor ODL UMK.

Webinar selama dua jam ini menarik perhatian penyertaan ramai dan telah disampaikan dengan penuh pengetahuan oleh YBrs. Ts. Dr. Nooraziah binti Ahmad, seorang Pensyarah Kanan dari Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW). Beliau membawa kepada peserta pandangan mendalam mengenai pemanfaatan kecerdasan buatan (AI) dalam menyusun dan memperkemas bahan pengajaran melalui platform slides.

Program ini bukan sahaja memberikan pengetahuan baru dalam penggunaan teknologi AI dalam penyampaian pembelajaran jarak jauh, tetapi juga memberi inspirasi dalam mencipta bahan pengajaran yang lebih menarik dan efektif.

Webinar ini dianggap sebagai salah satu pendekatan strategik untuk membantu dan mendorong peserta agar dapat mengaplikasikan pembelajaran inovatif dalam pendekatan pembelajaran jarak jauh. Dengan memanfaatkan kaedah pembelajaran terkini seiring dengan teknologi, diharapkan pembelajaran akan menjadi lebih interaktif dan memikat hati.

Para peserta didorong untuk mengambil inisiatif dalam mengintegrasikan teknologi ke dalam pendekatan pengajaran mereka, mencipta pengalaman pembelajaran yang lebih dinamik dan menarik bagi pelajar. Semoga inisiatif ini dapat terus memberi manfaat dan memberikan terobosan baru dalam penyampaian pendidikan di UMK.

## LAWATAN KERJA BAHAGIAN VISA, PAS DAN PERMIT, IBU PEJABAT JABATAN IMIGRESEN MALAYSIA KE UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN (UMK) KAMPUS KOTA

Pusat Antarabangsa UMK telah menerima kunjungan staf daripada Bahagian Visa, Pas dan Permit, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen Malaysia (JIM) bagi Lawatan Kerja Ke UMK Kampus Kota pada 6 November 2023. Lawatan ini diketuai oleh Puan Zuriah binti Dollah, Pengarah, Puan Nor Shima Izni binti Ahmad Shihamah, Timbalan Pengarah II, Tuan Muhamad bin Mohd Zain, Ketua Unit Pas Pelajar. Lawatan ini turut dihadiri oleh Encik Mohd Rustam bin Razali and Encik Mohd Zailani bin Sean dari Jabatan Imigresen Negeri Kelantan, Encik Erizman bin Soib dari Bahagian Education Malaysia, Encik Mohd Farha bin Md. Ishak dari Education Malaysia Global Services, Puan. Norashiken Bt Haji Ahmad dan staf dari International Mobility & Collaboration Centre (IMCC), USM Kampus Kesihatan.

UMK merupakan universiti awam ketiga yang dilawati oleh pihak Ibu Pejabat JIM selepas Universiti Sains Malaysia and Universiti Teknologi Malaysia yang bertujuan untuk memastikan pengurusan pelajar antarabangsa dalam aspek pas pelajar, insuran kesihatan, pas mobiliti dan pas khas dibuat dengan betul dan teratur. Sesi perbincangan berjalan dengan lancar dan isu-isu yang dibangkitkan dapat diselesaikan.

Pengarah Pusat Antarabangsa, Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen dan Prof. Madya Dr. Noorshella Binti Che Nawi, Timbalan Dekan Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business (MGSEB) serta Prof. Madya Dr. An'amt Bin Mohamed Noor, Timbalan Dekan Pusat Pengajian Siswazah (PPS) menghargai inisiatif yang diambil oleh pihak JIM dalam memastikan pengurusan pas pelajar dilaksanakan dengan efektif.



# KELANTAN EXCURSION 2023



Seramai 28 orang pelajar antarabangsa UMK dari China, Indonesia, Nigeria, Yemen, Sri Lanka dan Turki telah menyertai program Kelantan Excursion 2023 yang dianjurkan oleh Bahagian Pentadbiran dan Hal Ehwal Pelajar Pelajar Antarabangsa, Pusat Antarabangsa UMK pada 21 Oktober 2023.

Program satu hari ini membolehkan pelajar meneroka beberapa tempat-tempat menarik di sekitar Bandar Kota Bharu dan Tumpat, Kelantan antaranya Pasar Siti Khadijah Market, Street Arts, Pantai Geting, Kawasan Bebas Cukai Pengkalan Kubur, Wat Phothivihan, Wat Machimmaram dan Masjid Ar-Rahman Kubang Batang. Program ini juga membolehkan pelajar mengenali sesama mereka dengan lebih dekat tanpa mengira negara, bangsa dan agama.

Selain itu, Pusat Antarabangsa UMK berhasrat untuk menyemai benih komuniti antarabangsa yang harmoni dan berdaya tahan serta memupuk ikatan yang merentasi sempadan dan budaya.



**EXCLUSIVELY FOR UMK INTERNATIONAL STUDENT**

## KELANTAN EXCURSION 2023

**21 OCTOBER 2023**

**UNIVERSITI MALAYSIA KELANTAN**

- Siti Khadijah Market**  
The market is housed in a four-story building and features an octagonal shape. Fresh goodies, ready-to-eat foods, local snacks and drinks can be found sold in the market.
- Street Art**  
In recent years, the city's maze of back alleys has become an endless canvas of colorful images depicting heritage and Kelantanese cultural in general.
- Wat Phothivihan**  
A Thai temple houses a 40-metre statue of a sleeping Buddha, which is considered as the largest and longest in the state since 1975.
- Pantai Sri Tujuh**  
It is named Pantai Sri Tujuh as there are 7 or more bays here. It is an attractive recreational area to visitors.
- Pengkalan Kubur**  
A Duty free zone in Tumpat, Kelantan.
- Wat Machimmaram**  
An impressive Thai Buddhist temple with sitting Buddha statues in Tumpat, Kelantan.
- Ar-Rahman Mosque**  
It has an area of 27,000 square feet which situated at Kubang Batang.

**SCAN HERE TO REGISTER**  
\*Limited to 38 participants only based on first come first serve!

Time	Activities
07:45 am	Assembly at main entrance UMK City Campus
08:00 am	Breakfast and depart
08:30 am	Tour 1 - Siti Khadijah Market, Kota Bharu
10:00 am	Tour 2 - Street Art, Kota Bharu
11:30 am	Tour 3 - Wat Phothivihan, Kemuning, Jambua
12:30 pm	Pack Lunch @Pantai Sri Tujuh
02:00 pm	Tour 4 - Pengkalan Kubur Free Duty
04:00 pm	Tour 5 - Wat Machimmaram, Jekau, Tumpat
06:00 pm	Tour 6 - Ar-Rahman Mosque, Kubang Batang
07:30 pm	Arrived at UMK City Campus
07:50 pm	Arrived at UMK Kuching

**LUNCH & TRANSPORTATION PROVIDED**

Official UMK @ umk.edu.my


ENTREPRENEURSHIP IN SRI KUALA

## MEET AND GREET FOR INTERNATIONAL STUDENTS IN MALAYSIA (MAGNET) 2023

Sukacita dimaklumkan UMK International (UMKI) telah menyertai acara tahunan untuk pelajar antarabangsa iaitu program Meet & Greet for International Students in Malaysia (MAGNET) 2023 dan Pelancaran Edutourism, yang dihoskan oleh Universiti Putra Malaysia (UPM), Bahagian Education Malaysia (BEM), Kementerian Pengajian Tinggi, dan Education Malaysia Global Services (EMGS). Acara ini berlangsung di Dewan Besar, Pusat Kebudayaan dan Kesenian Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah, UPM, pada hari Khamis, 19 Oktober 2023, dari 10:00 pagi hingga 5:00 petang.

Tumpuan utama acara adalah pameran gerai yang menampilkan pelbagai negara, yang disusun oleh semua universiti awam di Malaysia. UMK mewakili Thailand untuk pameran gerai ini. Dr. Kanit Sripaoraya dan pelajar-pelajar Thailand beliau telah berjaya memaparkan dan mendemonstrasikan budaya Thailand, tarian tradisional, masakan, dan pakaian. Pameran ini menerima sambutan yang luar biasa dari pengunjung di gerai kami. Kepada semua pelajar antarabangsa baru dan yang kembali, nikmatilah pengajian anda di UMK dan di Malaysia!





## MESYUARAT BERSAMA HIGH COMMISSION OF GHANA MALAYSIA

Mesyuarat bersama High Commission of Ghana di Malaysia telah diadakan pada 20 October 2023 Hotel Intercontinental, Kuala Lumpur. Pertemuan ini telah diatur oleh Kedutaan Besar Ghana di Malaysia yang dihadiri oleh Encik Kwesi Abankwa, Ketua Corporate & International Affairs di Kementerian Pendidikan Ghana

Semasa perbincangan ini, Encik Abankwa menyampaikan hasrat yang mendalam untuk meluaskan peluang pendidikan kepada pelajar-pelajar di Ghana. Selain itu, beliau menyatakan hasratnya untuk menghantar pelajar-pelajar dengan biasiswa untuk belajar di Universiti Malaysia Kelantan (UMK). Rationale di sebalik komitmen ini adalah gabungan menarik antara kos kehidupan yang berpatutan dan persekitaran yang tenang dan damai yang disediakan oleh UMK.

Pengarah UMK International (UMKI) turut menjelaskan bahawa UMK menyediakan pelbagai program akademik. Seterusnya, Pengarah UMKI juga meneroka pelbagai kemungkinan kerjasama antara UMK dan Kementerian Pendidikan Ghana seperti pertukaran mobiliti dan penyelidikan. Sesi mesyuarat ini telah membuka laluan yang menjanjikan untuk perkongsian akademik pada masa depan dan pengantarabangsaan pendidikan antara UMK dan Kementerian Pendidikan, Ghana.




## PERBINCANGAN DENGAN SYARIKAT AGEN PENGAMBILAN PELAJAR: YIFENG COUNTY, WISTERIA NANYANG TRADING: MR. SHERLOCK CHEN

Satu perbincangan bersama agen pengambilan pelajar Yifeng County, Wisteria Nanyang Trading telah diadakan secara dalam talian pada 22 October 2023.

Perbincangan ini dihadiri oleh Encik Sherlock Chen dan Timbalan Pengarah Pusat Antarabangsa UMK (UMKI), Prof. Madya Dr. Nik Zulkarnaen dan dibantu oleh Puan Chua Hui Wen selaku Wakil Rantau China dan Mongolia.

UMKI berharap untuk menjalin kerjasama yang berjaya dalam membawa lebih ramai pelajar antarabangsa berpotensi untuk belajar di UMK.



## PERBINCANGAN DENGAN SYARIKAT AGEN PENGAMBILAN PELAJAR

Satu perbincangan yang dihadiri oleh Timbalan Naib Canselor UMK (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad, Dekan Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business, Prof. Dr. Roselina Binti Ahmad Saufi, Pengarah dan Timbalan Pengarah UMKI, Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen dan Prof. Madya Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir, Wakil Rantau China dan Mongolia, Puan Chua Hui Wen, penolong pendaftar dan kakitangan pentadbiran Malaysian Graduate School of Entrepreneurship and Business. Manakala, syarikat agen dihadiri oleh Encik Zhong Zhenyu dan Puan Vicky Houng.

Agenda perbincangan adalah mengenal pasti peluang penyertaan kursus integrasi khas bagi Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, program Master Inovasi dan Reka Bentuk (MID) secara Kursus dan program PhD Penyelidikan bagi menarik pelajar yang berpotensi dari China. Selain itu, membincangkan pelajar berpotensi dari China untuk belajar Master Pentadbiran Perniagaan (MBA) dan Doktor Pentadbiran Perniagaan (DBA) di UMK..







## LAWATAN HORMAT OLEH INSTITUTE OF AERONAUTICAL ENGINEERING (IARE), HAILING, INDIA

Pusat Antarabangsa UMK (UMKI) sangat berbesar hati menerima lawatan hormat daripada Institute Of Aeronautical Engineering (IARE) dari Hyderabad, India pada 31 October 2023 secara fizikal di Pejabat UMKI. IARE diwakili oleh Pengarah Utama, Dr. L V Narasimha Prasad dan juga Dr. P Ashok Babu, Ketua Jabatan Kecerdasan Buatan dan Keselamatan Siber.

Fokus utama perbincangan adalah program mobiliti pelajar dan kerjasama fakulti serta antara UMK dan IARE yang merupakan salah satu institusi kejuruteraan terbaik di India.

## PERBINCANGAN ANTARA NANCHANG JIAOTONG INSTITUTE (NCJI) DAN UMK

Perbincangan antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Nanchang Jiaotong Institute (NCJI) secara dalam talian telah diadakan pada 30 November 2023 antara Universiti Malaysia Kelantan (UMK) dan Nanchang Jiaotong Institute (NCJI) untuk membincangkan Program Sarjana Muda Komunikasi Visual 2+2. Mesyuarat ini dianjurkan oleh Encik Wang Ji (Chris), Pengarah Pejabat China dan dipengerusikan oleh Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa) UMK, Prof. Dato' Dr. Nik Maheran binti Nik Muhammad. Pengarah UMK International, Prof. Madya Dr. Ng Siew Foen dan Dekan Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan, Prof. Madya Dr. Hanisa Binti Hassan dan pegawai berkaitan di UMKI.







## UMK INTERNATIONAL DAY 2023

UMK Internatioanal Day 2023 telah berjaya dilaksanakan pada 11 December 2023 di UMK Kampus Kota. Pihak UMKI mengucapkan terima kasih kepada semua pelajar yang menyertai dan menyokong pelaksanaan program ini. Program ini telah disempurnakan oleh Naib Canselor UMK, Prof. Dato’ Dr. Razli Che Razak dan Timbalan Naib Canselor (Akademik dan Antarabangsa), Prof. Dato’ Dr. Nik Maheran Nik Muhammad.

Jutaan terima kasih turut dipanjangkan kepada Songkhla Rajabhat University dan Thaksin University dari Thailand di atas sokongan dan sumbangan menjayakan program ini. Pihak UMK berharap dapat membina rangkaian yang lebih baik dan berkembang pada masa depan.

Program ini menjanjikan campuran budaya dan nilai yang menarik, membawa bersama kakitangan dan pelajar antarabangsa untuk sambutan yang bertenaga serta persembahan yang memukau, pameran budaya yang mengagumkan, dan pelbagai aktiviti yang telah memeriahkan sambutan UMK International Day 2023.

**Dec 11**  
2023 9AM-10PM  
VENUE: ENTREPRENEURSHIP HALL  
UMK KAMPUS KOTA

**UMK INTERNATIONAL DAY 2023**

*Celebrating Our Diversity, Experience The Colours Of The World!*

INTERNATIONAL TALKS • MOVIE SHOW • ARTS AND CRAFTS  
CULTURAL WORKSHOPS • LIVE CONCERT • WORLD KITCHENS  
TALENT SHOWCASES • CULTURAL PERFORMANCES • GAMES  
CULTURAL DEMONSTRATIONS • LUCKY DRAW

*\*\*the list of activities are subjected to changes\*\**

ENTREPRENEURSHIP IS OUR THRUST

OfficialUMK





## UMK POSTGRADUATE VIRTUAL INFO DAY (SOUTH ASIA)

UMK Postgraduate Virtual Info Day (South Asia) telah berjaya dijalankan pada 31 Disember 2023. Tiga taklimat menarik telah disampaikan oleh Prof. Dr. Balakrishnan A/L Parasuraman, Dekan Pusat Pengajian Pascasiswazah, Prof. Madya Ts. Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir, Timbalan Pengarah (promosi) dan Dr. Nurul Akmar Binti Che Zaudin Timbalan (Antarabangsa) UMK International.

Semua peserta telah mengikuti sesi soal jawab yang sangat informatif sepanjang acara. Lebih daripada 47 bakal pelajar dari 4 negara: India, Sri Lanka, Bangladesh, dan Pakistan menghadiri acara maya ini.

Kebanyakan soalan yang diajukan mengenai pengambilan Pascasiswazah dan latihan industri pelajar di UMK. Prof. Madya Dr. Syed Mujahid dan Dr. Anil Kumar mewakili institusi mereka dari India. Keseluruhan acara dikordinasikan oleh Dr. Mohammed Arifullah, Wakil Rantau (Asia Selatan). Terima kasih atas sokongan hebat dari semua pihak untuk memastikan program ini berjalan lancar.

**UMK POSTGRAD VIRTUAL INFO DAY**  
Study abroad at a cheaper fee!

**31** 12 2023

India / Sri Lanka Time: 11.30am - 12.30pm  
Pakistan / Maldives Time: 11.00am - 12.00pm  
Bangladesh Time: 12.00pm - 01.00pm

Register Here!  
<https://forms.gle/j5NDFZnZKXPYKdA>

**SPECIAL APPEARANCE**

- Prof. Balakrishnan A/L Parasuraman  
Dean, Centre of Postgraduate Studies, UMK
- Dr. Mohammed Arifullah  
Regional Representative UMK International
- Assoc. Prof. Dr. Nik Zulkarnaen Bin Khidzir  
Deputy Director, UMK International

Join Zoom Meeting  
Meeting ID: 951 4663 5575  
Passcode: 831728

**Event Highlights**

- Introduction of UMK
- Chat with Representative
- Discover our postgraduate programs and receive e-certificates!

**Zoom Meeting** | You are viewing Dr. Nurul Zaudin (UMK)'s screen | View Options

**Recording**

**UMK International**

**CREDIT MOBILITY**

- Veterinary Medicine** +3 Credit Hours
- Veterinary Surgery** +3 Credit Hours
- Theriogenology & Reproduction** +3 Credit Hours
- "All Subjects For 2 Months"

- Geospatialer** +2 Credit Hours
- Petroleum Extraction** +2 Credit Hours
- Mining & Quarrying** +2 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- Groundwater Monitoring** +2 Credit Hours
- Industrial Training** +8 Credit Hours

- Stake Programming** +3 Credit Hours
- Introduction to Data Science** +3 Credit Hours
- Introduction to Big Data Analytics** +2 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- Human-Computer Interaction** +3 Credit Hours
- Computational Mathematics** +3 Credit Hours

- Forest Product Technology** +2 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- Sustainable Food Supply Chain** +2 Credit Hours
- Agriculture Business & Entrepreneurship** +3 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- Fashion Textile Drawing** +3 Credit Hours
- Film & Video Editing** +3 Credit Hours
- 3D Graphic Modelling** +3 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- Interpersonal Communication** +3 Credit Hours
- Contemporary Intercultural Communication** +3 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

- History Architecture 1** +3 Credit Hours
- History Architecture 2** +3 Credit Hours
- Designs Communication 1** +3 Credit Hours
- "All Subjects For 1 Semester"

**Meeting Chat**

Gudala Mounika to Everyone 2:45 PM  
How it helps for the MBA students

Shahana Tabassum to Everyone 2:45 PM  
In pharmacy masters , 2024 , scholarship available? What kind of merits needed?

You to Everyone 2:47 PM  
Dear All,  
I am happy to inform that our Chief Speaker, Professor Balasubramaniam is aldy here

We are going to have Prof Bala special talk very soon after this talk

Who can see your messages? Recording On


Participants: Swapna M, Dr Rashmi, K. Padma Pranavi, KMc3yC, Kanda Taraka, BADAkala PRI..., P.sruthi, JANARTHANAN, Saleema Uzma..., vivo V2060, Supriya

# LAWATAN AKADEMIK SGL 1314 STUDIO ASAS SENIBINA LANDSKAP

Pada 27 November 2023 (Isnin), Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke Taman Persekutuan Bukit Kiara yang terdiri daripada 47 orang pelajar tahun satu Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap serta empat orang pensyarah pengiring.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mempelajari dan menimba ilmu berkaitan bidang senibina landskap. Selain itu, lawatan ini juga ingin mendapatkan maklumat mengenai peranan yang dimainkan oleh Jabatan Landskap Negara untuk pembangunan negara sebagai pengenalan kepada pelajar.





## LAWATAN AKADEMIK 2316 STUDIO REKABENTUK PERANCANGAN DAN REKREASI

Pada 14 Disember 2023 (Khamis), Jabatan Senibina Landskap, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE), Universiti Malaysia Kelantan (UMK) telah mengadakan lawatan sambil belajar ke sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang terdiri daripada 32 orang pelajar tahun satu Program Ijazah Sarjana Muda Senibina Landskap serta tiga orang pensyarah pengiring.

Lawatan tersebut bertujuan untuk mempelajari dan menimba ilmu berkaitan bidang senibina landskap. Selain itu, lawatan ini juga ingin mendapatkan maklumat mengenai peranan yang dimainkan oleh pemain industri dan alumni senibina landskap untuk pembangunan negara sebagai pengenalan kepada pelajar.

# LAWATAN AKADEMIK SGL3316 STUDIO LANDSKAP BUDAYA DAN WARISAN

Lawatan Akademik bagi Pembangunan Sektor Pelancongan dan 'Cultural & Heritage Trail' di Lembaga Pembangunan Langkawi (LADA), Pulau Langkawi telah diadakan pada 3 Disember 2023 yang melibatkan 31 orang pelajar dan pensyarah daripada Jabatan Senibina Landskap.

Taklimat berkaitan pembangunan pelancongan Langkawi dan 'Cultural & Heritage Trail' di Pulau Langkawi telah disampaikan oleh Puan Izamalina Yacob, Timbalan Pengurus Bahagian Pelancongan LADA dan dibantu oleh Encik Mohammad Shauqi Md Rezali, Penolong Pengurus Unit Khidmat Korporat (UKK) LADA.



# SULAM INNOVATIVE SHOWCASE & SYMPOSIUM 2023 (SUISS 2023)

Tahniah diucapkan kepada Puan Syahidah Amni Binti Mohamed dan ahli di atas kejayaan merangkul pingat emas, projek komuniti terbaik dan best SUISS 2023 sempena pertandingan Sulam Innovative showcase & Symposium 2023 (SUIS 2023) pada 21 November 2023 di UMK Kampus Kota.







## PROGRAM KOMUNITI (CSR) DI PANTAI MELAWI, BACHOK, KELANTAN BERSAMA JABATAN SENIBINA DALAMAN, MAJLIS DAERAH BACHOK DAN KETUA KAMPUNG SEMESTER SEPTEMBER 2023/2024

Pada 21 Oktober 2023, telah diadakan program komuniti (CSR) membersihkan pantai di Pantai Melawi, Bachok, Kelantan bersama Jabatan Senibina Dalaman, Majlis Daerah Bachok dan Ketua Kampung. Seramai 80 orang pelajar dan 10 pensyarah telah terlibat.

Program ini sangat relevan dan penting untuk menanam sifat kebersihan dan menjaga alam sekitar kawasan pantai ini. Program ini akan membantu menjaga keindahan dan kualiti alam sekitar Pantai Melawi, memastikan pantai ini kekal sebagai destinasi yang menarik untuk penduduk tempatan dan pelancong. Melalui penyertaan pelajar dan pensyarah universiti, program ini dapat mempromosikan kesedaran dan pendidikan mengenai pentingnya pemuliharaan alam sekitar kepada komuniti Pantai Melawi.

Melalui kerjasama ini, komuniti Pantai Melawi dapat merasa dihargai dan didengar, dan ini dapat memperkuat hubungan antara pelbagai pihak yang terlibat.

## ANALISIS TAPAK DI WIRA AVENUE, KOTA BHARU UNTUK TUGASAN PROJEK KURSUS SGD2316 STUDIO REKABENTUK SENIBINA DALAMAN III SEMESTER 3 SESI SEPTEMBER 2023/2024.

Pada 22 Oktober 2023, telah diadakan lawatan akademik bagi analisis tapak di Wira Avenue, Kota Bharu untuk tugas projek kursus SGD2316 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III semester tiga sesi September 2023/2024. Lawatan ini melibatkan 30 orang pelajar dan dua orang pensyarah pengiring.

Program ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan kepada pelajar SGD2316 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III, Fakulti Senibina dan Ekistik mengenai analisis tapak. Hal ini selaras bagi tugas dalam kursus Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III sesi 2023/2024 ini yang akan mengambil unit kedai di Bangunan Wira Avenue, Kota Bharu sebagai ruang bagi projek pada semester ini.

Lawatan ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada pelajar dalam memberikan mereka pengalaman dalam proses analisis tapak di dalam situasi realiti, dimana ianya sangat relevan dengan kursus yang diambil bagi Program Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian ini. Proses pembelajaran 'hands-on' bagi melakukan analisis tapak di lokasi projek yang sebenar seperti mengukur, mengambil gambar, menemuramah, melakar dan mengenalpasti keperluan diadakan.

Lawatan ini memberikan pemahaman yang mendalam tentang tapak Bangunan Wira Avenue, memberikan data yang diperlukan untuk merangka reka bentuk dalaman yang berkesan.



## INDUCTION CAMP FOR INTERIOR ARCHITECTURE EXPOSURE

Pada 2 November 2023, telah berlangsungnya program Induction Camp for Interior Architecture Exposure yang dianjurkan oleh Kelab Pelajar Interia dan Jabatan Senibina Dalamam di Perkarangan Teniat UMK Bachok. Program ini melibatkan 42 pelajar baharu dan 10 pelajar kanan Senibina Dalamam, FSE.

Program diadakan bertujuan memperkenalkan ahli baharu kepada komuniti Senibina Dalamam dan menjalin hubungan yang kukuh antara pelajar baharu dan kanan. Program ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai ruang pembelajaran dan kemudahan yang terdapat di sekitar kampus. Pelbagai permainan diadakan sepanjang program berlangsung.

Selain memupuk semangat berpasukan dan kerjasama di antara pelajar, program Induction Camp for Interior Architecture Exposure 2023 memberi peluang kepada peserta untuk melibatkan diri dalam situasi kepemimpinan yakni menjadi keperluan dalam bidang reka bentuk Dalamam.





## BENGGKEL HOW TO SKETCH?

Pada 2 November 2023, telah berlangsungnya program Induction Camp for Interior Architecture Exposure yang dianjurkan oleh Kelab Pelajar Interia dan Jabatan Senibina Dalaman di Perkarangan Teniat UMK Bachok. Program ini melibatkan 42 pelajar baharu dan 10 pelajar kanan Senibina Dalaman, FSE.

Program diadakan bertujuan memperkenalkan ahli baharu kepada komuniti Senibina Dalaman dan menjalin hubungan yang kukuh antara pelajar baharu dan kanan. Program ini juga bertujuan memberi pendedahan kepada semua peserta mengenai ruang pembelajaran dan kemudahan yang terdapat di sekitar kampus. Pelbagai permainan diadakan sepanjang program berlangsung.

Selain memupuk semangat berpasukan dan kerjasama di antara pelajar, program Induction Camp for Interior Architecture Exposure 2023 memberi peluang kepada peserta untuk melibatkan diri dalam situasi kepimpinan yakni menjadi keperluan dalam bidang reka bentuk Dalaman.





## LAWATAN AKADEMIK DI KUALA LUMPUR-KURSUS SGD2316 STUDIO REKABENTUK SENIBINA DALAMAN III SEMESTER 3 SESI SEPTEMBER 2023/2024.

Pada 22 hingga 25 November 2023, telah berlangsungnya lawatan akademik di Kuala Lumpur bagi kursus SGD2316 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III semester 3 sesi September 2023/2024. Lawatan ini melibatkan 40 orang pelajar dari kohort tujuh serta dua orang pensyarah pengiring.

Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar SGD2316 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III, Fakulti Senibina dan Ekistik tentang senibina dan rekabentuk dalaman selaras dengan projek akhir kursus Studio Rekabentuk Senibina Dalaman III sesi 2023/2024 ini iaitu restoran bertema.

Lawatan ini diharap dapat memberi input yang bermanfaat kepada pelajar kerana Kuala Lumpur merupakan lokasi yang penuh dengan pelbagai restoran bertema dan ianya sangat relevan dengan kursus yang diambil bagi Program Sarjana Muda Senibina Dalaman dengan Kepujian ini. Setiap lokasi lawatan memberikan peluang kepada pelajar untuk mengkaji dan mengaplikasikan elemen rekabentuk senibina dalaman, menerusi sesi taklimat dan kajian kes untuk memahami kreativiti dan penggunaan ruang yang efektif.

Program ini diharap dapat memupuk minat mereka dengan lebih mendalam dalam bidang senibina dan rekabentuk. Program ini juga diharap dapat memberi dorongan dan semangat kepada mereka untuk belajar dengan lebih tekun dan bersedia menceburkan diri dibidang ini selepas tamat pengajaran.



## PROGRAM KOMUNITI (CSR) DI RUMAH KEBAJIKAN & ANAK YATIM DARUL NAJJAH (AN NAJJAH)

Pada 24 November 2023, telah diadakan lawatan program komuniti (CSR) di Rumah Kebajikan & Anak Yatim Darul Najjah (An Najjah) bagi kursus SGD2316 Studio Rekabentuk Senibina Dalam III Semester 3 Sesi September 2023/2024. Lawatan ini melibatkan 40 orang pelajar dari kohort tujuh serta dua orang pensyarah pengiring.


Melalui program CSR ini, ianya dapat memupuk semangat prihatin dan empati di dalam diri para pelajar untuk menjadi masyarakat yang lebih holistik bukan sekadar akademik, malah dari segi sahsiah diri. Program dimulakan dengan sesi taklimat oleh pengetua rumah kebajikan, lawatan ruang pembelajaran dan diakhiri dengan pemberian sumbangan bakul prihatin kepada setiap penghuni atas kerjasama penyumbang.

## LAWATAN AKADEMIK KE KUALA KANGSAR BAGI KURSUS SGD3316 STUDIO REKABENTUK SENIBINA DALAMAN V SEMESTER 5 SESI SEPTEMBER 2023/2024

Pada 28 hingga 30 November 2023, telah diadakan lawatan akademik ke Kuala Kangsar bagi kursus SGD3316 Studio Rekabentuk Senibina Dalaman V Semester 5 Sesi September 2023/2024. Lawatan ini melibatkan 35 orang pelajar dari kohort enam serta dua orang pensyarah pengiring.

Tujuan utama lawatan ini adalah untuk memberikan pengalaman praktikal kepada pelajar dalam mengkaji dan mengaplikasikan prinsip reka bentuk seni bina dalaman dalam konteks rujukan budaya negeri Perak. Lawatan ini melibatkan beberapa lokasi yang penting dan bersejarah di Kuala Kangsar, Perak antaranya Masjid Di Raja Ubudiah Kuala Kangsar, Perak Royal Mausoleum, tempat pembuatan keris, tempat pembuatan tembikar labu sayong, tempat pembuatan tekat benang emas dan Galeri Sultan Azlan Shah. Setiap lokasi memberikan peluang kepada pelajar untuk mengkaji dan mengaplikasikan elemen reka bentuk seni bina dalaman, menerusi sesi taklimat dan kajian kes untuk memahami kreativiti dan penggunaan ruang yang efektif.

Program ini turut memberi pendedahan utama kepada pelajar Studio Rekabentuk Senibina Dalaman semester V mengenai kepentingan kajian kes dalam sesebuah projek bagi membantu pelajar dalam aktiviti menghasilkan idea, konsep dan analisis reka bentuk sesebuah ruang dalaman sebelum menghasilkan reka bentuk seni bina dalaman yang akan dijadikan rujukan untuk menyiapkan projek akhir mereka.



## BENGGKEL WATERCOLOUR RENDERING TECHNIQUES BAGI SGD 1333 KOMUNIKASI REKABENTUK I, PROGRAM SENIBINA DALAMAN, JABATAN SENIBINA DALAMAN

Pada 7 Disember 2023, telah diadakan bengkel Watercolour Rendering Techniques bagi SGD 1333 Komunikasi Rekabentuk I, Program Senibina Dalaman, Jabatan Senibina Dalaman di Studio 4, Fakulti Senibina dan Ekistik (FSE). Penglibatan seramai 40 orang pelajar tahun satu, dua orang pensyarah fakulti dan seorang panel tetamu jemputan dari pihak industri- En. Mohd Adzran Omar.

Program ini diadakan untuk memberi pendedahan kepada pelajar mengenai salah satu topik dalam kursus SGD1333 Komunikasi Senireka I (Drafting) iaitu teknik mewarna menggunakan watercolour yang akan melibatkan semua pelajar senibina dalaman Tahun 1. Sesi ini diharap dapat memberi pemahaman yang lebih mendalam kepada pelajar mengenai teknik mewarna menggunakan watercolour dimana dapat memberi input yang bermanfaat kepada pelajar yang dapat diterapkan dalam projek studio pelajar pada semester ini.

Bengkel ini dicadangkan untuk diadakan bagi memberi pendedahan kepada pelajar dengan teknik-teknik mewarna menggunakan watercolour secara terperinci daripada pakar yang berpengalaman. Bengkel ini dapat membantu pelajar untuk mempelajari teknik-teknik tersebut dengan betul dan mengaplikasikannya di dalam lukisan persembahan subjek komunikasi rekabentuk dan studio rekabentuk.





## INTERIA FIT DAY 2023

Pada 31 Disember 2023, telah berlangsungnya program Interia Fit Day yang dianjurkan oleh Kelab Pelajar Interia dan Jabatan Senibina Dalaman di Padang UMK Bachok. Program ini melibatkan 120 pelajar dan 10 orang pensyarah.

Program "Interia Fit Day" diadakan dengan matlamat untuk membudayakan keaktifan bukan hanya dalam bidang akademik, tetapi juga dalam aspek sukan dan kecergasan. Program ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran terhadap pentingnya kecergasan dalam kalangan pelajar dan pensyarah. Selain itu, program ini juga dirancang untuk memperkukuhkan hubungan sosial antara ahli Kelab Pelajar Interia dan warga Jabatan Senibina Dalaman melalui aktiviti sukan yang menyeronokkan.

Tambahan pula, pelbagai jenis sukan memberi peluang kepada pelajar dan pensyarah untuk mengekspresikan bakat dan minat mereka. Antaranya sukan badminton, bola tampar, futsal dan petanque. Semangat berpasukan dan kerjasama diperkukuhkan melalui penyertaan aktif dalam aktiviti sukan berpasukan dan secara tidak langsung aktiviti ini mencipta platform interaksi sosial yang positif di luar persekitaran akademik.

## INTERIA DINNER 2023

Pada 31 Disember 2023, telah berlangsungnya majlis makan malam Interia Dinner 2023 di Laman Monsun, UMK Bachok bertemakan 'Gatsby' yang melibatkan 120 pelajar dan 10 orang pensyarah Fakulti Senibina dan Ekistik.

Hasrat utama penganjuran Majlis Makan Malam Interia Dinner 2023 adalah untuk memberi anugerah kecemerlangan kepada pelajar jabatan Senibina Dalaman sepanjang tahun 2023 dan sebagai penghargaan terhadap kejayaan Program Interia Fit Day yang telah dilaksanakan.

Selain itu, majlis ini turut bertujuan untuk memupuk semangat persaudaraan dalam kalangan pelajar dan pensyarah, serta mengukuhkan ikatan yang sedia ada di antara ahli Kelab Pelajar Interia.





## **PENYERTAAN PELAJAR JABATAN DALAM PERTANDINGAN MALAYSIA INSTITUTION INTERIOR DESIGN (MIID) ISI STUDENTS SATURDAY 25:10 COMPETITION**

Pada 11 November 2023, telah berlangsungnya Program 'MIID Students' Saturday' 25:10 Competition di First City University College Petaling Jaya. Pertandingan ini merupakan satu program yang dijalankan oleh institut Pereka Dalaman Malaysia (MIID) pada setiap tahun bertujuan melahirkan pelajar yang profesional dan kreatif bagi Program Senibina Dalaman. Program ini juga bertujuan untuk mendidik, dan memupuk hubungan yang lebih baik di antara ahli-ahli pereka bentuk luar sama ada dari pihak industri dan 21 buah IPTA/ IPTS serta pelajar. Antara aktiviti yang diadakan seperti pertandingan syarahan, bengkel, persembahan, rekabentuk dan inovasi.

Penglibatan Universiti dalam program ini sangat penting kerana ia merupakan satu ruang untuk mempromosi kewujudan fakulti dan program reka bentuk di pantai timur juga memenuhi kehendak Lembaga Arkitek Malaysia (LAM) agar pelajar lebih aktif menjalankan aktiviti reka bentuk secara praktikal di luar kampus. Program ini diharap dapat memupuk kemahiran dalam mencipta inovasi dan memupuk kepimpinan pelajar dalam menggalas tanggungjawab sosial dalam bekerjasama didalam kumpulan serta dapat mengeratkan silaturrahim bersama pelajar dari Universiti lain yang turut terlibat sama.

Di akhir pertandingan ini, Jabatan Senibina Dalaman, UMK telah merangkul anugerah dan pingat; Stage On The Move Competition (Emas), Opening Parade Extravagant Competition (Perak), Art Attack (Emas dan Perak), Art Installation (Emas dan Perak) dan Furniture design (Emas).

FSE



## PERTANDINGAN MENCIPTA NAMA DAN LOGO BAGI "UMK GREEN CAMPUS" BERSEMPENA PROGRAM 3R@UMK 3.0.

Pada sepanjang bulan November, telah berlangsungnya Program 3R@Umk 3.0 oleh pihak Jawatankuasa Pelaksana Kampus Hijau (JPKH) Kriteria Sisa UMK. Pelbagai aktiviti dan pertandingan diadakan antaranya pertandingan mencipta logo "UMK Green Campus", Trash to Cash, sesi webinar dan Pertandingan Poster: Plastic Waste to Wealth. Acara penutup dan penganugerahan diadakan pada 11 Disember 2023 oleh pihak JPKH Kriteria Sisa di Dewan Utama Kampus Jeli, UMK.

Pertandingan ini bertujuan untuk meningkatkan kesedaran dan komitmen terhadap amalan bersepadu mesra alam dalam kalangan warga Universiti Malaysia Kelantan (UMK) serta usaha membantu UMK meningkatkan penarafan di dalam Ui GreenMetric World University Ranking.

Tahniah diucapkan kepada Encik Ismi Luqman Hamadi Bin Ibrahim, pensyarah Jabatan Senibina Dalaman kerana telah memenangi anugerah naib johan bagi Pertandingan Mencipta Logo "UMK Green Campus".



## PROGRAM KARNIVAL KELANTAN MEMBACA ANJURAN DEWAN BAHASA DAN PUSTAKA (DBP) PERINGKAT NEGERI KELANTAN

Pada 22 Oktober 2023, Program Karnival Kelantan Membaca Anjuran Dewan Bahasa Dan Pustaka (DBP) Peringkat Negeri Kelantan telah diadakan di Dewan Tuanku Canselor, UMK Bachok.

Karnival ini diadakan untuk menerajui pelbagai program dan aktiviti untuk menggalakkan dan menanam minat membaca yang diperluas kepada pelbagai lapisan masyarakat dan umur. Hal ini adalah salah satu inisiatif yang digerakkan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia untuk memberikan impak terhadap peningkatan budaya membaca dalam kalangan rakyat Malaysia.



## ACADEMIC CREATIVE FORUM 2023

Pada 6 – 7 Oktober 2023, Pusan National University (PNU) turut juga mengadakan pameran visual antarabangsa yang telah disertai oleh pelajar dan pensyarah daripada Korea Selatan, Thailand, Malaysia, Indonesia dan China. UMK juga telah menghantar lima (5) buah karya fesyen pelajar yang berjudul “Visionary Pool 6’ termasuk karya seni visual pensyarah FTKW.



# ASIAN COMPACT SEDAN DESIGN CHALLENGE (ACSDC)

Pada 19 Disember 2023, seorang pelajar tahun akhir, Ijazah Sarjana Muda Teknologi Kreatif (Elektif Rekabentuk Perindustrian), FTKW iaitu Alfred Han Wen Hao telah memenangi 1st Runner Up ACSDC dengan membawa pulang sebanyak RM13,000.00. Pensyarah bimbingan adalah Cik Siti Nurul Diana binti Sukri, Pensyarah Elektif Rekabentuk Perindustrian, FTKW.



Setinggi-tinggi

# Tahniah

**ALFRED HAN WEN HAO**  
 PELAJAR TAHUN 4 ELEKTIF REKABENTUK PERINDUSTRIAN  
 JABATAN REKABENTUK DAN TEKNOLOGI KREATIF

kerana telah terpilih sebagai

**LAPAN (8) FINALIS TERBAIK**  
 (Layak ke peringkat seterusnya)

dalam dua (2) kategori

**PROFESIONAL &  
 PELAJAR REKABENTUK**

sempena

**ASIAN COMPACT SEDAN DESIGN CHALLENGE (ACSDC-2023)**

Tulus Ikhlas Daripada  
 Dekan dan Seluruh Warga Kerja  
 Fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan





UNIVERSITI  
MALAYSIA  
KELANTAN

# Tahniah

SAIYDAH NAFISAH BINTI  
YUZINE  
FTKW

NURIZATIE SUHAILA BINTI  
MOHD SUKRI  
FTKW

WAN NUR AMIRAH BINTI  
WAN MOHD NAZRI  
FSE

NUR SYAFIQAH SYAZA ATHIRAH BINTI  
SUHAIMI SUZEY  
FSE

SAIDATINA AISYA BINTI  
CHE ANUAR  
FTKW

## MEWAKILI NEGERI KELANTAN

PERTANDINGAN VIDEO PENDEK MEDIA4GOOD PERINGKAT KEBANGSAAN

*Dari Kelas*

UKI 10401 PENYUNTINGAN GRAFIK DAN VISUAL

*Bawah Bimbingan*

**EN MOHAMAD SHAHFIK AFENDI BIN ABDUL GHANI**

*Kelas daripada*

PUSAT KOKURIKULUM  
PEJABAT TIMBALAN NAIB CANSOLOR (HEPA)

1 ACBS THE UNIVERSITY OF MALAYSIA AWARDS 2021 SUSTAINABLE DEVELOPMENT GOALS ENTREPRENEURSHIP is our way #BinaLegasiUMK Bersama #WeAreUMKFamily #OneUMKOneDream

## PERTANDINGAN VIDEO PENDEK MEDIA4GOOD PERINGKAT KEBANGSAAN

Tiga orang pelajar FTKW, di bawah seliaan En. Mohamad Shahfik Afendi bin Abdul Ghani, Pensyarah bagi Kursus Penyuntingan Grafik dan Visual telah berjaya mewakili Negeri Kelantan khususnya ke Pertandingan Video Pendek Media4Good Peringkat Kebangsaan pada 4 Disember 2023. Kejayaan ini adalah bukti komitmen dan kecekalan setiap pelajar dalam menghasilkan karya yang memukau pihak juri.

# FIAT IMMERSION DAY DAN MAJLIS ANUGERAH FAKULTI

FIAT telah berjaya menganjurkan satu program iaitu FIAT Immersion Day dan Majlis Anugerah Fakulti pada 2 November 2023.

Program ini bertujuan untuk merapatkan hubungan antara staf fakulti dengan pelajar tahun satu di samping menyampaikan anugerah kecemerlangan kepada pelajar FIAT yang telah memperoleh Sijil Kepujian Dekan untuk Semester September 2022/2023 dan Semester Februari 2022/2023

**Universiti Malaysia KELANTAN**

**FIAT IMMERSION DAY & MAJLIS ANUGERAH FAKULTI**  
FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI

Anjuran bersama

TARIKH : 02 NOV 2023 (KHAMIS)  
MASA : 08:30 AM - 02:00 PM  
TEMPAT : DEWAN UTAMA, UMK KAMPUS JELI

9:10 pagi  
• Muzik persembahan oleh Dekan P.M. Dr. Sri Intan Mokhtar, Dekan FIAT  
• Pengantar FIAT (Video Montage)

9:30 pagi  
• Taklimat Akademik Timbalan Dekan Akademik (TDA) Ckm. Dr. Syed Muhammad Al Anwar, TDA FIAT  
• Taklimat Timbalan Dekan Pemendidikan, Kształahawanan dan Pembangunan Pelajar (TDPKPP) Ts. Dr. Nur Dini Rusli, TDPKPP FIAT

9:50 pagi  
• Sesi bergambar bersama Pelajar Tahun I

10:00 pagi  
• Program bersama Penasihat Akademik dan Mentee  
• LDK - Ice breaking  
• LDK - Build It Higher

11:00 pagi  
• Sesi persembahan Build It Higher  
• Sesi Taklimat Program oleh Penyelar Program

11:30 tengahari  
• Pengumuman pemenang dan penyampaian hadiah  
• Penyampaian Anugerah Dekan Sesi Akademik Feb dan Sept 2022/2023  
• Penyampaian Anugerah Pelajar Terbaik Kursus Teras Fakulti  
• Penyampaian Anugerah Pensyarah  
• Video FIAT Short Award

12:45 tengahari  
• Makan tengah hari (disediakan)

2:00 tengahari  
• Bersema



**Universiti Malaysia KELANTAN**

**FAKULTI INDUSTRI ASAS TANI (FIAT)**

**Anugerah Pelajar Terbaik Kursus Teras Fakulti**

1. EFT I023 Biodiversiti - Semester 1  
2. FFTI083 Mikrobiologi - Semester 1  
3. FFT IO13 Biokimia - Semester 2  
FFT I043 Prinsip Kimia - Semester 2  
FTI073 Pengenalan Genetik - Semester 2

TARIKH : 02 NOV 2023 KHAMIS  
MASA : 08:30 AM - 02:00 PM  
TEMPAT : DEWAN UTAMA

SBH F22A0120 TEOH GAR SUAN





## BENGGKEL LATIHAN DALAM INDUSTRI BERSAMA ANGGOTA PELATIH PERBADANAN HAL EHWAL BEKAS ANGGOTA TENTERA (PERHEBAT)

FIAT telah menganjurkan program kerjasama dengan Perbadanan Hal Ehwal Bekas Anggota Tentera untuk memberikan Latihan Dalam Industri kepada anggota tentera yang bakal bersara pada tahun 2024/2025.

Bengkel ini telah dilaksanakan pada 18 Disember 2023 sehingga 31 Mac 2023 di UMK Kampus Jeli.

Bengkel yang dijalankan ini melibatkan empat modul seperti pertanian, peternakan, dan keusahawanan, yang mengajar pelatih untuk menjalankan aktiviti setelah bersara daripada perkhidmatan tentera.





## INTERNATIONAL LANGUAGE & CULTURAL EXCHANGE (ILCEn) 2023

International Language and Cultural Exchange (ILCEn) 2023 telah diadakan pada 13 dan 14 October 2023 di Fakulti Pengajian Bahasa dan Insaniah (FBI), UMK Bachok. Program ini disempurnakan oleh Datuk Bandar Kasaoka, Wilayah Okayama yang akan berinteraksi dengan pelajar FBI.

Pada hari pertama, upacara perasmian dan acara pertukaran budaya telah dianjurkan bersama pelajar dari Okayama Ryukoku High School serta Kasaoka Commercial School, Jepun. Manakalan, pada hari kedua, peserta akan melawat Bandar Kota Bharu.



FBI



# LAWATAN AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) SPK MS ISO 9001:2015 TAHUN 2023 KE FAKULTI

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan UMK telah menjalani Sesi Audit Dalaman (SPK) MS ISO 9001 : 2015 tahun 2023 pada 25 Oktober 2023. Seramai tiga orang auditor terlibat iaitu Ybrs. Dr. Daeng Haliza binti Daeng Jamal (Ketua Auditor), Ybrs. Ts. Dr. Nooraziah binti Ahmad (Felo Bersekutu- Auditor) dan Puan Mar'ieyah binti Muhammad (Penolong Pendaftar-Auditor).

Sesi audit berlangsung dengan lancar dan FBI melalui ahli pengurusan dan ahli jawatankuasa unit kualiti FBI mengucapkan jutaan terima kasih kepada pihak universiti dan para auditor sepanjang sesi audit berlangsung.



## SELAMAT DATANG

LAWATAN  
AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD)  
SPK MS ISO 9001:2015 TAHUN 2023

FAKULTI PENGAJIAN BAHASA DAN PEMBANGUNAN  
INSAN

25 OKTOBER 2023, 9.00 PAGI HINGGA 4.00 PETANG  
BILIK MESYUARAT TOK KENALI, ARAS BAWAH, BANGUNAN FBI



# SEMINAR PENGAJIAN ISLAM & PEMBANGUNAN INSAN 2023

Seminar Pengajian Islam & Pembangunan Insan 2023. telah dianjurkan di Bilik Mesyuarat Tok Kenali FBI Umk Bachok pada 29 Oktober 2023.

Seminar tersebut telah dihadiri oleh Dekan Fakulti Pengajian Peradaban Islam Universiti Islam Selangor (UIS), Ybrs. Dr. Md Noor Bin Husin, Ybrs. Dr. Rosni Binti Wazir (Timbalan Dekan Akademik & Pengantarabangsaan) dan Ybrs. Dr. Ghazali Bin Zainuddin (Ketua Jabatan Pengajian Bahasa & Linguistik).





## COMFEST@FBI

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) dengan kerjasama Kelab Komunikasi Perniagaan dengan Bahasa Inggeris (BCE) telah mengadakan program Comfest@FBI, iaitu *Language Games* (Lingo Caching) pada 21 sehingga 23 Oktober 2023.

*Language Games* (Lingo Caching) adalah permainan mencari harta karun iaitu peserta perlu menyelesaikan beberapa tugas di setiap *checkpoint* untuk pergi ke *checkpoint* seterusnya.

Program ini bertujuan untuk mempromosikan pembelajaran bahasa asing dalam kalangan pelajar sekolah rendah. Sebanyak 109 pelajar sekitar Kelantan telah mengambil bahagian dalam menjayakan program ini.

Selain itu, peserta berpeluang mempelajari bahasa asing melalui aktiviti permainan yang dianjurkan oleh pelajar Kelab BCE iaitu Bahasa Mandarin, Arab, Korea, Jepun, dan Bahasa Inggeris. Peserta berpuas hati terhadap Comfest@FBI.



# PROGRAM TERAPI EMOSI DENGAN KANAK-KANAK AUTISME DARIPADA KELANTAN AUTISM CARE CENTRE (KACC)

Marginalised Communities Research Group, FBI telah mengadakan Program Terapi Emosi dengan Kanak-Kanak Autisme Daripada Kelantan Autism Care Centre (KACC). Program ini telah diadakan pada 1 November 2023 bertempat di tasik dan kandang burung UMK Bachok yang bertujuan untuk meneroka kaedah terapi baharu sebagai sokongan rawatan kepada kanak-kanak autisme. Program ini dijalankan dengan kerjasama KACC, Pejabat Agro Park Umk dan Kelab Penyayang Umk.



## PROGRAM TERAPI EMOSI BERSAMA KANAK-KANAK AUTISME



AKTIVITI YANG DIJALANKAN ADALAH:

1. MEMANCING IKAN
2. MEMBERI MAKAN BURUNG

MASA PROGRAM:  
08:30 PAGI – 12:00 TENGAHARI

TEMPAT PROGRAM:

1. TASIK UTAMA UMK BACHOK
2. KANDANG BURUNG UMK (DEPAN TENIAT)

Tarikh	Masa	Aktiviti
1 / 11 / 2023	08:30 pagi – 09:00 pagi	Ketibaan peserta program, ahli Kelab Penyayang UMK, ahli JK
	09:00 pagi – 10:30 pagi	Aktiviti memancing di tasik utama UMK
	10:30 pagi – 10:45 pagi	Perjalanan dari Tasik ke kandang burung UMK
	10:45 pagi – 11:30 tpagi	Pelajar memberi makan burung
	11:30 pagi	Perjalanan balik ke KACC Kota Bharu



ANJURAN:  
MARGINALISED COMMUNITIES RESEARCH GROUP FBI

DISOKONG OLEH:  
1. KELANTAN AUTISM CARE CENTRE (KACC)  
2. KELAB PENYAYANG UMK  
3. PEJABAT AGRO PARK UMK







## KURSUS INTENSIF BAHASA MELAYU

Kursus Intensif Bahasa Melayu telah dianjurkan oleh Unit Kecemerlangan Bahasa, FBI dan Pejabat Pendaftar telah berlangsung selama 10 minggu, bermula pada 31 Julai 2023 dan berakhir pada 7 Oktober 2023. Kursus ini diadakan pada hari Isnin dan Rabu setiap minggu, selama 2 jam setiap sesi.

Tujuannya adalah untuk membantu tujuh orang staf antarabangsa UMK dalam mempelajari bahasa melayu asas, yang merangkumi empat kemahiran penting iaitu kemahiran bertutur, kemahiran mendengar, kemahiran membaca, dan kemahiran menulis. Kursus ini telah tamat dilaksanakan dengan kejayaan para staf antarabangsa yang dapat menguasai bahasa melayu asas dengan baik.



## MAJLIS HI-TEA BERSAMA GRADUAN PASCASISWAZAH

Pada 3 November 2023 telah diadakan majlis pada Majlis Hi-Tea bersama graduan pascasiswazah FBI di Ibis Style Kota Bharu.

FBI meraikan graduan pascasiswazah sempena Istiadat Konvokesyen UMK kali ke 13. Seramai 34 graduan merangkumi 8 pelajar ijazah doktor falsafah (PHD), 6 ijazah sarjana (penyelidikan) dan 20 graduan ijazah sarjana (kerja kursus) iaitu Sarjana Komunikasi Perniagaan telah diraikan di dalam majlis ini.

Turut hadir, CEO Institut Terjemahan & Buku Malaysia (ITBM), Sakri dan Warastuti, selaku ahli AGE council FBI yang meraikan bersama tujuh orang graduan pertama ITBM dalam Program Sarjana Komunikasi Perniagaan.



## BICARA TOKOH PEMIKIR

Fakulti Pengajian Bahasa Dan Pembangunan Insan UMK telah menganjurkan Bicara Tokoh Pemikir pada 9 November 2023 di FBI. Program juga telah disiarkan secara langsung di platform *Facebook Live* FBI.

'Isu Keamanan Sejagat dan Peranan Kita Dalam Mensejahterakan Isu Keamanan' merupakan topik yang dikongsikan oleh Penceramah Jemputan Prof. Madya Dr. Aminurraasyid Yatiban, Pengarah Institut Kecemerlangan Pengajian Baitulmaqdis Univeristi Utara Malaysia pada bicara tokoh pada kali ini.





## **PEMILIHAN MAJLIS PERWAKILAN PELAJAR**

FBI telah mengadakan pemilihan Majlis Perwakilan Pelajar (MPP) di peringkat fakulti pada 8 November 2023. .



## **PERANCANGAN KHAS KAJIAN PEMBANGUNAN KEPIMPINAN KOMUNITI ILDAN-UMK**

Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) yang diketuai oleh Ybrs Dr. Burhan bin Che Daud selaku Dekan FBI telah menerima kunjungan rasmi daripada delegasi Institut Latihan Darul Naim (ILDAN) yang diketuai oleh Ybrs. Dr. Azizi Bin Umar (Pengarah ILDAN).

Perbincangan Antara FBI Dan ILDAN pada 8 November 2023 adalah merangkumi potensi jalinan kerjasama yang melibatkan program kompetensi dan latihan serta peluang-peluang lain yang bersesuaian dan menepati kepakaran yang dimilikim oleh FBI secara umumnya.


## PROGRAM SUSHI MAKING

Seramai 35 orang pelajar daripada pelbagai fakulti menyertai program Sushi Making yang diadakan di Restoran Sushi King KB Mall, Kota Bharu pada 25 November 2023.

Program ini merupakan usaha Unit Bahasa Jepun menyokong agenda pengukuhan penguasaan bahasa asing dalam kalangan mahasiswa UMK. Pembelajaran berasaskan pengalaman seumpama ini mendedahkan pelajar kepada kefahaman yang lebih mendalam terhadap budaya dan bahasa yang dipelajari.

Pengalaman ini sangat bermakna bagi pelajar sebagai persiapan mereka melaksanakan Karnival Bahasa pada tahun hadapan.





## WACANA PASCASISWAZAH FBI 2023

Wacana Pascasiswazah FBI 2023 telah diadakan pada 13 Disember 2023 di Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan secara dalam talian. Wacana ini telah dirasmikan oleh Timbalan Dekan Akademik FBI, Dr. Marwan Bin Ismail. Wacana ini melibatkan 20 pelajar pascasiswazah FBI sebagai peserta. Wacana ini berlangsung secara dua sesi dengan dua penceramah iaitu Encik Mohd Hafizuddin Hiew Abdullah dan Prof. Dr. Mohd Nor Hakim Bin Yusoff.

Penceramah pertama, Encik Mohd Hafizuddin Hiew Abdullah telah berkongsi mengenai pengalaman beliau sepanjang lebih sedekad mengurus beberapa syarikat yang dibangunkan oleh beliau. Hasil perkongsian tersebut akan memberi manfaat kepada pelajar pascasiswazah FBI untuk mempelajari menguruskan syarikat-syarikat, falsafah pengurusan dan peribadi beliau dalam melaksanakan aktiviti-aktiviti pengurusan syarikat-syarikat tersebut.

Penceramah kedua, Prof. Dr. Mohd Nor Hakim Bin Yusoff telah bercakap tentang kepentingan pengurusan sebuah syarikat secara mampan terutama dari segi bidang keusahawanan dan peranan komunikasi dalam pengurusan sesebuah perniagaan yang ingin dibangunkan. Pelajar pascasiswazah FBI telah mempelajari bagaimana salah-laku seringkali berlaku dalam pentadbiran sesebuah perniagaan dan apa yang perlu dilakukan untuk mengelakkan perkara-perkara tersebut serta membangunkan sesebuah perniagaan dengan jayanya.

Penutupan majlis secara rasmi telah disempurnakan oleh Dekan FBI, Dr. Burhan Bin Che Daud. Majlis bersurai pada pukul 1.10 tengah hari.



## PROGRAM SAMBUTAN HARI BAHASA ARAB SEDUNIA 2023 (WALD'23)


Fakulti Pengajian Bahasa dan Pembangunan Insan (FBI) telah menganjurkan Program Sambutan Hari Bahasa Arab Sedunia 2023. Program dianjurkan oleh Jabatan Pengajian Bahasa dengan kerjasama Nadi Al-Ibtikar, Persatuan Pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan.

Program ini diadakan sebagai usaha untuk memupuk kesedaran akan kepentingan bahasa Arab dalam pembangunan intelektual dan keusahawanan dalam kalangan pelajar. Tambahan pula, program ini bertujuan untuk meraikan warisan bahasa Arab sebagai satu bahasa yang kaya dan penting dalam sejarah dan budaya dunia.

Program ini melibatkan semua pelajar Sarjana Muda Bahasa Arab dengan Keusahawanan (SLA) dan pelajar kursus bahasa Arab tahap 1 (UBA 2012) daripada fakulti Teknologi Kreatif dan Warisan (FTKW) bagi acara Kalam JAMAIE dan kuiz online.

Sebanyak sembilan acara dipertandingkan sepanjang program berlangsung bermula 14 sehingga 18 Disember 2023 antaranya debat Bahasa Arab, syarahan bahasa Arab, kuiz online, kalam jamaie, pertandingan khat, drama Arab, hiwar dialek Arab dan gerai jualan makanan tradisi Arab.

Majlis perasmian penutup telah disempurnakan oleh Dekan FBI, YBrs. Dr. Burhan bin Che Daud. Pertandingan akhir debat yang berlangsung sebelum majlis perasmian penutup menyaksikan pasukan pelajar tahun 3 (A) berjaya mengalahkan pasukan pelajar tahun 2 (B).





## CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP)

Tahniah diucapkan kepada pelajar tahun dua FSDK, iaitu Nur Fatimah Amani Mohd Azmi dalam kejayaannya mendapat hadiah 10 terbaik saguhati di dalam program Corporate Directors Training Programme (CDTP). Fatimah Amani telah menjalankan perniagaan servis aplikasi telefon di bawah syarikat SmartLink Innovation.



## KONVENSYEN INOVASI NUKLEAR MALAYSIA (NITC) 2023

Setinggi-tinggi tahniah diucapkan kepada 4 orang pelajar Tahun Kedua FSDK program Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat yang telah menyertai Konvensyen Teknikal Nuklear Malaysia (NITC) 2023 yang telah diadakan di Dewan Tun Dr Ismail, Agensi Nuklear Malaysia, Bangi, Selangor. Tajuk projek yang dibentangkan bertajuk "Ecowatch: Intelligent Water Pollution Detection and Monitoring System".





## KARNIVAL MINGGU SAINS NEGARA DAN MALAYSIA TENCHLYMPICS 2023

Tahniah diucapkan kepada pasukan WASTELESS: TRIM THE WASTE FEED THE WORLD atas kejayaan mendapat tempat ke-3 dalam kategori 6.3B Sidang Inovasi-Malaysia Techlympics 2023 peringkat akhir Kebangsaan).

Pasukan ini telah diketuai oleh Dr. Fakhitah Ridzuan bersama dengan 4 orang pelajar Ijazah Sarjana Muda Teknologi Maklumat (Kepujian).



## SMART PARTNERSHIP OFFSHORE UMK POLI




Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) menyampaikan Taklimat Berkenaan Peluang melanjutkan pengajian bersama UMKCEE kepada Pelajar Tahun Akhir Politeknik Nilai pada 4 Oktober 2023 di Politeknik Nilai. Program dilaksanakan bagi memberikan pendedahan awal dan membuka minda para pelajar yang bakal bergraduasi supaya melanjutkan pengajian secara part time bersama UMKCEE.

Hasil daripada bengkel ini UMKCEE berjaya mendapatkan database pelajar yang berminat untuk melanjutkan pengajian bersama UMKCEE.


## TAKLIMAT PENDAFTARAN DAN PERKARA BERKAITAN AKADEMIK KEPADA PELAJAR INTAKE SEPTEMBER 2023

Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) telah menganjurkan aklimat Pendaftaran dan Perkara Berkaitan Akademik kepada Pelajar Intake September 2023 pada 9 Oktober 2023. Taklimat secara dalam talian ini dianjurkan bagi memberi pendedahan mengenai tatacara pendaftaran subjek, panduan memohon pengecualian kredit dan beberapa perkara penting bagi memastikan kelangsungan proses pengajian berjalan lancar.

Hasil daripada taklimat ini, pelajar mendapat pencerahan yang jelas mengenai tatacara pendaftaran subjek, panduan memohon pengecualian kredit dan beberapaT lagi perkara penting bagi memastikan kelangsungan proses pengajian.



## MAJLIS MAKAN MALAM GRADUAN PUSAT PENDIDIKAN LUAR UMK (UMKCEE)



Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) menganjurkan Majlis Makan Malam Graduan Pusat Pendidikan Luar UMK (UMKCEE) pada 2 November 2023 di Hotel Ibis Styles Kota Bharu bagi menghargai dan meraikan graduan yang Berjaya menamatkan Pengajian Sarjana Muda bersama UMKCEE dengan jayanya.

## AUDIT KUALITI DALAMAN (AKD) TAHUN 2023

Audit Kualiti Dalaman (AKD) Tahun 2023 di Pusat Pendidikan Luar (UMKCEE) telah diselesaikan dengan jayanya pada 6 Disember 2023. Audit ini diketuai oleh Dr. Nor Ain Ayunni binti Sabri, dan ahlinya Puan Liyana binti Ahmad Afip dan Puan Nur Hernani binti Shamsuddin.



*A Knowledge Valley where*  
**ENTREPRENEURIAL**  
**MINDS**  
meet, innovate and create



TERBITAN

Pejabat Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)  
Universiti Malaysia Kelantan  
16300 Bachok, Kelantan



[www.hea.umk.edu.my](http://www.hea.umk.edu.my)



[dcvai@umk.edu.my](mailto:dcvai@umk.edu.my)



Pejabat TNCAA UMK